



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.33 SUBUH 4.43 SYURUK 6.06 DUHA 6.30 ZUHUR 12.18 ASAR 3.41 MAGHRIB 6.28 ISYAK 7.42 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tuton ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 61

20 MEI 2024 / 1445 ذوالقعدة 11

MANISNYA IMAN ایمان

RIWAYAT daripada Abdullah bin Mas'ud Radiallahu'anhu, beliau berkata : Maksudnya : "Aku telah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : 'Amalan manakah yang lebih disukai Allah Ta'alā?' Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam lalu menjawab : 'Sembahyang pada waktunya.' Aku (Abdullah) bertanya : 'Kemudian apa?' Baginda menjawab : 'Berbuat baik kepada ibu bapa.' Aku (Abdullah) bertanya lagi : 'Kemudian apa?' Kemudian jihad pada jalan Allah." (Hadis Riwayat Al-Bukhari).

(Hadis Riwayat Al-Bukhari).

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN PERCUMA

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 20 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta, serta kerajaan dan juga rakyat Republik Demokratik Timor-Leste bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Restorasi Kemerdekaan Republik Demokratik Timor-Leste.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta.

Bersama memelihara warisan tamadun negara

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Mei. - Dalam usaha untuk mendedahkan mengenai bidang arkeologi terutamanya penemuan bahan artifak berbentuk manik, Jabatan Muzium-Muzium melalui Bahagian Arkeologi dan Monumen mengadakan Pameran Manik : 1000 Tahun bersempena Hari Muzium Antarabangsa 2024.

Sehubungan dengan itu, Majlis Pelancaran bagi pameran tersebut diadakan pagi tadi di Muzium Maritim Brunei Darussalam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Pemangku Pengarah Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus selaku Pengerusi Majlis, antara lain menyentuh tentang pentingnya menjadikan sejarah dan warisan budaya sebagai sumber informasi dalam membangun peradaban manusia yang lebih maju bukan sahaja masa ini tetapi juga pada masa akan datang.

>> Muka 4

Miliki iktikad, keyakinan dalam menjalankan ibadah haji

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Mei.

- Daripada Abu Hurairah RA berkata : "Aku mendengar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda bahawa : Barang siapa melaksanakan haji semata-mata kerana Allah, lalu dia tidak menuturkan (perkataan) keji dan tidak melakukan fasil (keluar daripada ketaatan), maka dia akan kembali kepada keadaannya seperti baharu dilahirkan oleh ibunya (bersih daripada dosa)." (Riwayat al-Bukhari, Muslim, an-Nasaie dan Ibn Majah).

Menyentuh mengenai cara mencapai haji mabrur, iaitu dengan memiliki niat yang tulus semata-mata kerana Allah Subhanahu

Wata'ala dan mengharapkan reda-Nya.

Sebelum berangkat ke Tanah Suci, jemaah haji perlu memiliki iktikad atau keyakinan yang benar dan dalam menjalankan ibadah haji, adalah penting bagi jemaah untuk memiliki pemahaman yang baik tentang tatacara dan kewajiban-kewajiban yang harus dilakukan.

Pemahaman tersebut akan membantu jemaah melaksanakan ibadah dengan benar dan memastikan bahawa haji yang mereka lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala atau mabrur.

>> Muka 3

Kurangkan faktor risiko kesihatan NCDs

Oleh : Nooratini Haji Abas

JERUDONG, Ahad, 19 Mei. - Penyakit Serebrovaskular merupakan punca kematian ke-4 di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan jumlah ini meningkat daripada 103 kematian pada 2014 kepada 162 kematian pada tahun 2019.

Malah, setiap tahun lebih kurang 400 kes strok baharu direkodkan di mana 75 hingga 80 peratus adalah infark (infarcts) dan 20 hingga 25 peratus lagi adalah strok hemoragik. Lebih membimbangkan, kajian juga menunjukkan bahawa 63 peratus penghidap strok di NBD adalah di bawah umur 60 tahun.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengurus Lembaga Pengarah, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) menekankan demikian semasa berucap pada Pelancaran 'The BNSRC Frontiers 2024', yang berlangsung di Kuliah Teater, Bangunan PJSC, pagi tadi, di sini.

Oleh itu, Yang Berhormat menegaskan ia menjadi keutamaan Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan pihak berkepentingan seperti PJSC untuk terus berusaha mengurangkan faktor risiko kesihatan penyakit tidak berjangkit (NCDs) dan meningkatkan kesedaran orang ramai.

>> Muka 6



Berita Utama



KEIMANAN dizahirkan melalui amal perbuatan, pekerjaan

Muka 5



HARGAI jasa, bakti AJKK Jambori Nasional Ke-5

Muka 9



PLATFORM kongsi pengetahuan mengenai gejala burnout

Muka 11



SONGOK berkualiti jadi pilihan

Muka 19



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berucap pada Majlis Doa Selamat dan Ramah Mesra Bersama Bakal Jemaah Haji bertempat di Dewan Bankuet BRIDEX pada Selasa, 14 Mei 2024.

*Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulilah Rabbil 'Alameen,
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa
Ummuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyaratil
Anbiyya Wal Mursaleen,
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een,
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh*

ALHAMDULILLAH, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya juga saya dapat hadir di Majlis Doa Selamat dan Ramah Mesra Bersama Bakal Jemaah Haji Negara bagi

Panggilan menunaikan ibadah haji nikmat Allah amat berharga

Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi ini. Semoga dengan pertemuan kita pada pagi ini akan dapat Barakah wa Rahmah wa Mawaddah, dipenuhi dengan kebaikan serta dihiasi suasana muhibah dan kegembiraan.

Saya dan isteri mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pengajur majlis kerana menjemput saya untuk hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan ucapan kata-kata nasihat kepada bakal jemaah haji negara yang akan berangkat ke Tanah Suci sedikit masa lagi untuk menunaikan ibadat haji bagi musim haji tahun ini.

Yang Berbahagia, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed Abdullah H. Al Buraithin, saya ingin mengucapkan rasa syukur dan terima kasih yang tak terhingga kepada Kerajaan Arab Saudi dan Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi atas usaha yang dilakukan dan kerjasama berterusan bersama kami.

Kami panjatkan doa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar Kerajaan Arab Saudi dan Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi dimudahkan semua urusan dan sentiasa memandu-Nya ke jalan kebaikan serta memberikan kejayaan kepada kamu dan semua yang terlibat dalam pengurusan haji dan umrah di Kementerian Haji dan Umrah.

Dalam kesempatan ini saya juga panjatkan syukur kepada ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berterima kasih kepada semua warga Jabatan Urusan Haji selaku yang dipertanggungjawabkan dalam pengurusan hal ehwal urusan haji dan umrah negara kita

atas kegigihan bertungkus lumer merancang, merunding melaksanakan pengendalian urusan ibadat haji jemaah negara kita.

Setiap tahun pendaftaran menunaikan ibadat haji semakin bertambah. Alhamdulillah, ini terbukti kesedaran masyarakat Islam di negara kita untuk menanam azam dan usaha bagi mencapai hasrat menunaikan ibadat haji sebagai Rukun Islam yang kelima.

Tahniah juga atas usaha Jabatan Urusan Haji melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah kerana setiap tahun memberikan Program Kursus Asas Haji dan Umrah kepada orang ramai dengan tujuan menyebarluaskan ilmu manasik haji dan memberikan kesedaran kepada mereka tentang kefarduan ibadat haji ke atas mereka yang berkemampuan menyegerakannya.

Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran : Surah Ali-Imran (ayat 97), maksudnya : "Mengerjakan haji adalah kewajiban manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah. Barangsiapa mengingkari (kewajiban haji), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan suatu apapun) dari semesta alam".

Ertinya : Dari Ibnu Umar Radiallahu'anhu, ia mendengar Rasulullah bersabda : "Islam itu didirikan di atas lima pilar : Syahadat tiada llah selain Allah dan sesungguhnya Muhammad Rasulullah, mendirikan solat, membayar zakat, haji ke Baitullah dan puasa di bulan Ramadan". (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

Pada musim haji tahun ini, saya difahamkan

sebanyak tujuh buah syarikat pengendali perkhidmatan haji dan umrah beroperasi mengendalikan pakej haji dan umrah mengikut harga-harga yang telah ditawarkan, saya berharap syarikat-syarikat yang beroperasi mengendalikan pakej haji ini akan memberikan perkhidmatan yang terbaik dan kepuasan kepada jemaah negara di Tanah Suci nanti.

Bakal jemaah sekalian, seruan atau panggilan suci Allah Subhanahu Wata'ala yang biskita terima ini ialah sebagaimana disebutkannya dalam ayat 27, Surah Al-Haj : maksudnya : "(Wahai Ibrahim), serulah manusia untuk (mengerjakan) haji, nescaya mereka akan datang kepadamu dengan berjalan kaki dan mengendarai unta kurus yang datang dari segenap penjuru yang jauh".

Maka jelas bahawa seruan atau panggilan suci yang sampai kepada kita untuk menunaikan ibadat haji itu adalah nikmat Allah yang amat berharga dan wajib kita penuhi dan syukuri.

Maka bakal jemaah haji yang terpilih menjadi tetamu Allah pada tahun ini, Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan nikmat-Nya kepada biskita untuk mengerjakan ibadat haji, maka biskita wajiblah mensyukuri nikmat itu dengan menghargai peluang beribadat haji sebaik-baiknya, tidak mensia-siakannya, tidak mencuai-cuaikannya hingga merosakkannya. Itulah tanda syukur biskita kepada Allah atas limpah kurnia nikmat-Nya menjadikan biskita sebahagian daripada jemaah menjadi tetamu-Nya tahun 1445 Hijrah ini.








>> Muka 11

WAKTU SEMBAHYANG

| Mei | MASHTI | HARI | Zulkaedah HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|-----|--------|------|---------------------|--------|--------|--------|---------|--------|--------|---------|-------|
| 20 | ISNIN | 11 | 4 . 33 | 4 . 43 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 41 | 6 . 28 | 7 . 42 | |
| 21 | SELASA | 12 | 4 . 33 | 4 . 43 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 41 | 6 . 28 | 7 . 42 | |
| 22 | RABU | 13 | 4 . 33 | 4 . 43 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 41 | 6 . 28 | 7 . 42 | |
| 23 | KHAMIS | 14 | 4 . 33 | 4 . 43 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 42 | 6 . 28 | 7 . 42 | |
| 24 | JUMAAT | 15 | 4 . 33 | 4 . 43 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 42 | 6 . 28 | 7 . 43 | |
| 25 | SABTU | 16 | 4 . 33 | 4 . 43 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 42 | 6 . 28 | 7 . 43 | |
| 26 | AHAD | 17 | 4 . 33 | 4 . 43 | 6 . 06 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 42 | 6 . 29 | 7 . 43 | |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

| ISNIN Bandar Seri Begawan | SELASA | RABU |
|---|---|--|
|  32 26 °C |  32 26 °C |  32 26 °C |
|  32 26 °C |  32 26 °C |  32 26 °C |
|  31 26 °C |  32 26 °C |  32 26 °C |
|  31 26 °C |  32 26 °C |  31 26 °C |

Wallahualam Bisswab
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

20 MEI 2024

Kerjakan ibadah haji dengan penuh kesabaran

BADAH haji itu adalah suatu penyerahan mutlak ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala. Menyerah yang dimaksudkan itu ialah bertawakal atau menerima sepenuhnya ketetapan dan ketentuan Allah. Oleh yang demikian, para jemaah haji apabila berada di Tanah Suci, sememangnya banyak dugaan dan rintangan yang akan dihadapi, mungkin ada yang menghadapi kepayahan dan kesulitan kerana tidak biasa dengan keadaan bersesak-sesak atau kurang selesa kerana kekurangan kemudahan.

Ketahuilah, sesungguhnya ibadah haji merupakan salah satu daripada Rukun Islam. Ia diwajibkan ke atas umat Islam yang berkemampuan dan memenuhi syarat-syarat untuk mengerjakannya.

Di dalam Al-Quran telah dinyatakan bahawa umat Islam yang akan menunaikan ibadah haji itu hendaklah berkuasa atau berkemampuan. Apa yang dimaksudkan dengan berkuasa atau berkemampuan itu ialah bakal jemaah haji hendaklah mempunyai kewangan yang mencukupi, memastikan tubuh badan sihat dan perjalanan pergi balik ketika mengerjakan ibadah haji dalam keadaan selamat.

Perlu diingat, berkemampuan bukan setakat bererti mempunyai perbelanjaan yang cukup untuk dirinya semasa menunaikan fardu haji sahaja bahkan juga hendaklah berkemampuan untuk menyediakan nafkah dan perbelanjaan yang cukup untuk sara hidup bagi orang-orang di bawah tanggungannya yang ditinggalkan.

Inilah erti pengorbanan yang harus dihadapi oleh para jemaah yang hendak menunaikan fardu haji di mana mereka bukan sahaja perlu membelanjakan wang yang banyak, malahan juga turut berkorban masa dan tenaga serta perasaan kerana meninggalkan keluarga terutama anak-anak yang masih kecil semata-mata untuk menyahut seruan dan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Berbalik kepada dugaan dan rintangan semasa melakukan ibadah haji, benteng yang paling penting ialah sifat sabar dan sentiasa bersyukur, jangan mudah mengeluh atau merungut. Banyakkanlah bersabar dan bersyukur kerana hanya dengan bersifat demikian para bakal jemaah haji akan dapat menghadapi apa juga masalah, rintangan dan cubaan yang timbul dengan tenang dan penuh kesabaran.

Sebagaimana yang diperjelaskan dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini, anggaplah rintangan dan dugaan itu sebagai satu ujian dan dugaan yang perlu dihadapi jika mahu mendapat ganjaran haji yang mabrur sebagaimana yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Kita sedia maklum bahawa bukan semua orang berpeluang untuk menunaikan ibadah haji, apakah lagi ibadah tersebut memerlukan banyak perbelanjaan dan pengorbanan. Oleh itu, para bakal jemaah haji sangat beruntung dan kerjakanlah ibadah haji dengan bersungguh-sungguh dan jangan mensia-siakan kesempatan yang diperoleh ini.

Bagi yang belum berpeluang untuk menunaikan ibadah haji pada tahun ini disebabkan tidak lulus ujian kesihatan atau belum mencukupi syarat kemampuan, didoakan mudah-mudahan akan tercapai pada masa akan datang. - Ketua Penyuntingan (ZK)

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabruni.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردن منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Miliki iktikad, keyakinan dalam menjalankan ibadah haji



Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

MALAM Munajat Kali Ke-135 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah dari Masjid Ash-Shaliheen.

Turut mengimarahkan acara Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, tenaga kerja At-Taqua Travel Tours Sdn. Bhd., belia masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir serta jemaah masjid yang hadir secara fizikal mahupun secara maya dari 74 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Juga menyemarakkan acara Malam Munajat tersebut warga kerja KHEU dan jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dari kediamaan masing-masing.

Sejurus selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah, diteruskan lagi dengan bacaan Surah As-Sajdah beramai-ramai dipimpin oleh Konsultan Haji dan Umrah, At-Taqua Travel Tours Sdn. Bhd., Awang Mohd. Hafizan bin Awang Maidin, dari Masjid Ash-Shaliheen.

Dilanjut Doa Munajat dibacakan oleh Imam Tingkat III, Masjid Jefri Bolkiah, Kampung Batong, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Asbullah bin Haji Ahmad, juga merupakan salah seorang bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Selesai tazkirah, disusuli dengan bacaan Asma'ul Husna dan diakhiri dengan Doa Peliharakan Sultan dan NBD oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohd. Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merakamkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar NBD dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

>> Muka 1

Perkara tersebut antara yang disampaikan dalam tazkirah bertajuk 'Lambaian Haji' oleh Ketua Pejabat Hal Ehwal Alumni, Universiti Islam

Sultan Sharif Ali, Awang Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit, dari Masjid Ash-Shaliheen bagi menyemarakkan lagi Malam Munajat Kali Ke-135 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Acara Munajat anjuran KHEU turut mengundang tetamu khas, Ketua Pegawai Operasi, At-Taqua Travel Tours Sdn. Bhd., Pengiran Haji Md. Fakhruza bin Pengiran Haji Omaralli, yang juga memimpin

RAPTAI PENUH PASTIKAN KESEMPURNAAN MAJLIS

BERAKAS, Sabtu, 18 Mei. - Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi akan diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula 21, 22 dan 23 Mei 2024M bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas bermula jam 7.15 malam dengan tema 'Al-Quran Pedomanku'.

Bagi melancarkan dan memantapkan perjalanan Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 H / 2024M, pagi tadi diadakan latihan penuh (*rehearsal*) bertempat di Dewan Plenary, ICC, di sini.

Hadir sama bagi menyaksikan latihan penuh tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir pada latihan penuh Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445 H / 2024M.

dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Kewangan dan



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; dan Timbalan

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap kementerian-kementerian berkenaan serta ahli-ahli jawatankuasa kerja yang lain.

Peserta-peserta qari yang akan bertanding pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M ialah Pengiran Muhd Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki; Awang Haji Mohammad bin Ali; Haji Awang Muhammad Fikri bin Haji Awang Metussin; Awang Haji Nasrul Fakhri

bin Haji Yahya; Awang Haji Hazwan bin Haji Salim; dan Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri.

Manakala peserta-peserta qariah yang akan bertanding pada musabaqah tersebut ialah Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri; Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki; Dr. Dayang Hajah Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abd. Rahman; Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat; Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd Rajid; dan Dayang Nur Amal Atiqah@Aida binti Haji Sudirman.

Musabaqah dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.



SEKITAR latihan penuh berkenaan.

JPM anjur Doa Selamat bagi bakal jemaah haji



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Mei. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan Majlis Doa Selamat bagi seorang kakitangan yang akan menuaikan ibadah fardu haji bagi Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, bertempat di

Bilik Mesyuarat East Wing, JPM, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailara Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri

Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai dari Jabatan Perdana Menteri. Pada majlis tersebut, Yang Berhormat juga turut menyempurnakan penyampaian sumbangan derma daripada kakitangan JPM kepada



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II semasa hadir pada Majlis Doa Selamat bagi seorang kakitangan yang akan menuaikan ibadah fardu haji bagi Musim Haji Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, bertempat di Bilik Mesyuarat East Wing, JPM (kiri). Sementara gambar atas, Yang Berhormat menyampaikan sumbangan derma daripada kakitangan JPM kepada bakal jemaah haji.

bakal jemaah haji berkenaan.

Doa Selamat kemudian dibacakan memohon agar bakal jemaah yang akan menuaikan fardu haji dikurniakan keberkatan dan keselamatan serta dipermudahkan segala urusan dan mendapat haji

yang mabru.

Turut hadir, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri; Setiausaha-setiausaha Tetap; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; serta pegawai-pegawai kanan JPM.

BERSAMA MEMELIHARA WARISAN TAMADUN NEGARA



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan majlis tersebut (atas). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat semasa menyaksikan Pameran Manik : 1000 Tahun.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraram

>> Muka 1

Terdahulu dalam ucapan alu-aluannya, Pengiran Haji Rosli menjelaskan, Hari Muzium Antarabangsa diadakan pada setiap 18 Mei di seluruh dunia sebagai salah satu platform untuk mempromosikan peranan muzium dalam pertukaran budaya dan pembangunan.

Pada tahun ini tambahnya, tema Hari Muzium Antarabangsa ialah Muzium untuk Pendidikan dan Penyelidikan.

Jabatan Muzium-Muzium katanya, mempunyai peranan yang penting dalam memperkasa penyelidikan serta pelestarian bahan-bahan bersejarah tradisi dan warisan budaya bangsa dan negara.

Justeru itu menurutnya, Pameran Manik : 1000 Tahun sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2024 ini merupakan

satu wadah bagi menggalakkan penyelidikan dan pendidikan serta bagi memupuk minat, cinta dan menghargai warisan tamadun negara.

"Dalam memperkasa penyelidikan dan pendidikan ini, semua pihak yang berkepentingan sama ada dari institusi-institusi pengajian tinggi, agensi-agensi kerajaan atau swasta serta persendirian hendaklah sama-sama berganding bahu ke arah pemeliharaan dan warisan tamadun negara.

"Pameran Manik : 1000 Tahun sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2024 ini diadakan memberi peluang kepada

masyarakat untuk melihat dengan lebih dekat temuan koleksi artifik terutama bahan manik dari tapak-tapak Arkeologi di Negara Brunei Darussalam yang berusia lebih daripada 1000 tahun," ujarnya lagi.

Melalui pameran ini terangnya, pengunjung juga akan berpeluang untuk memahami artifik manik sebagai salah satu bukti kewujudan awal Brunei dalam



menjalin hubungan antarabangsa perdagangan negara serantau dan melalui hubungan.

Tambahnya lagi, adalah dihasilkan pameran ini akan dapat memberikan impak yang positif kepada orang ramai terutama sekali dalam memupuk minat semua lapisan masyarakat untuk mempertingkatkan lagi penyelidikan serta penyebaran ilmu dalam usaha untuk memelihara warisan tamadun negara.

Pameran Manik : 1000 Tahun merupakan kesinambungan daripada Seminar Temuan Arkeologi, Linguistik, Sejarah dan budaya Se-Borneo yang telah diadakan pada 26 hingga 27 November 2013 sempena Pameran Manik Se-Borneo yang melibatkan penyertaan muzium-muzium di Kepulauan Borneo iaitu Sabah, Sarawak dan Kalimantan.

ia dibuka untuk kunjungan orang ramai selama tiga bulan di Muzium Maritim Brunei Darussalam.

Manik-manik yang dipamerkan berusia lebih daripada 1,000 tahun yang ditemui di empat tapak utama arkeologi di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, pameran tersebut juga akan mengadakan beberapa aktiviti sampingan seperti Siri Arkeologi yang akan disampaikan oleh

beberapa ahli sejarah dan arkeologi Brunei, aktiviti Kenali Arkeologi dan aktiviti Meneroka Warisan.

Program 'Mettae Belait Kittah' atau Kenali Belait Kita juga akan diadakan di Muzium Daerah Belait pada 30 Mei 2024.



PEMANGKU Pengarah Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus selaku pengurus majlis semasa berucap pada majlis tersebut.

KEIMANAN DIZAHIRKAN MELALUI AMAL PERBUATAN, PEKERJAAN

Oleh : Srinarawie Bidzah, Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri Kesihatan; dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Tazkirah Subuh berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Mei. - Keimanan perlu dizahirkan dengan amal perbuatan dan pekerjaan sehari-hari dan ia boleh menjadi ibadah dan mendapat pahala yang besar di sisi Allah.

Menyentuh mengenai pekerjaan, setiap pekerjaan akan mendapat keredaan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan tiga perkara, iaitu niat semata-mata kerana Allah, pekerjaan itu juga dengan cara bekerja dan perlu menepati syarak (mencontohi cara bekerja Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) dan juga matlamat pekerjaan perlu menjurus kepada segala kebaikan dalam memberi nafkah keluarga, memberi manfaat kepada orang lain, menjamin kemakmuran negara dan perlu istiqamah dalam pekerjaan sehingga mencapai kecemerlangan serta kejayaan di dunia dan di akhirat.

Perkara tersebut antara inti pati tazkirah Subuh yang bertajuk 'Perkhidmatan Cemerlang, berpaksian Iman' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sallehuddin, dan Penolong Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak, yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-30, pagi tadi.

Acara tazkirah Subuh turut dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat

Pehin Datu Lailaraja Mejra Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) di JPM, Yang Mulia Dato

Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Timbalan menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga hadir Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pejawat kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan serta ahli keluarga mereka.

Tazkirah Subuh tersebut merupakan antara pengisian Riadah Amal Hari Perkhidmatan Awam (HPA) sempena Sambutan HPA Ke-30 yang dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, dan Institut Perkhidmatan Awam dengan matlamat untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam serta keluarga mereka.

10 peserta mara ke Musabaqah Al-Quran peringkat akhir



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada peringkat separuh akhir musabaqah berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Mei. - Seramai 10 peserta yang terdiri daripada lima qari dan lima qariah termasuk johan menunggu qari dan qariah tahun 2023 akan bertanding di peringkat akhir Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan bagi tahun 2024 pada 6 Jun hadapan nanti.

Pengumuman tersebut dinyatakan setelah 23 qari dan tujuh qariah memperdengarkan bacaan Al-Quran masing-masing yang bertanding

pada peringkat separuh akhir bertempat di Dewan Silaturahim, Pusat Belia di ibu negara hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Turut hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah; Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly,

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Alishahrin Haji Mumin



PARA peserta semasa memperdengarkan bacaan Al-Quran masing-masing (kiri dan kanan).

serta pegawai dan kakitangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Pengerus Majlis dalam alu-aluannya antara lain menyatakan, ke arah persiapan dan persediaan serta mempertingkatkan lagi mutu bacaan para peserta, satu program khusus Kemahiran Ilmu Al-Quran ataupun singkatnya

Masjid Kampung Penanjong Tutong adakan Majlis Khatam Al-Quran

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Masjid Kampung Penanjong

TUTONG, Ahad, 19 Mei. - Bahagian Imarah Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Pejabat Hal Ehwal Masjid, Daerah Tutong dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Penanjong, Tutong, pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran Kumpulan Tadarus Subuh Masjid, Surau dan Balai Ibadat Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisyam bin Haji Masri.

Antara yang menyertai majlis khatam berkenaan ialah Ahli

Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Ketua Kampung Sengkarai.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan surah-surat khatam beramai-ramai dan Doa Khatam.

Majlis itu turut diserikan dengan Dikir Marhaban oleh para pegawai masjid dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Penanjong, dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.



MENYERTAI Majlis Khatam Al-Quran Kumpulan Tadarus Subuh Masjid, Surau dan Balai Ibadat Daerah Tutong, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

projek tahunan KKBS dikelolakan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS) sejak tahun 1980-an dan telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkualiti dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Selain itu, musabaqah tersebut juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau tarannum.

Adapun peserta musabaqah terdiri daripada para belia dari keempat-empat daerah yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap dan tidak pernah menjadi johan pertandingan-pertandingan seperti Majlis Tilawah Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa anjuran Kerajaan Malaysia atau Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran KKBS.

Orang ramai terutamanya para belia boleh menyaksikan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1445/2024 Peringkat Akhir nanti secara langsung melalui akaun rasmi Facebook JBS dan Instagram @jbs.bn.

Program K.I.A. telah pun diadakan pada 27 hingga 28 April yang lalu.

Program itu jelasnya, mendapat bimbingan khusus bidang pembacaan Al-Quran daripada para tenaga pengajar yang berkemahiran dan berpengalaman luas.

Seramai 68 peserta, iaitu 45 qari dan 23 qariah telah pun bertanding di peringkat saringan pada 8 hingga 10 Mei 2024 yang lalu.

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan merupakan salah satu

KURANGKAN FAKTOR RISIKO KESIHATAN NCDS



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) semasa berucap pada Pelancaran 'The BNSRC Frontiers 2024'.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

>> Muka 1

Walaupun hipertensi, diabetes, hipercolesterolemia, merokok dan ketidakaktifan fizikal ini tegasnya lagi, kekal faktor risiko yang lazim membimbangkan, contohnya 35.8 peratus orang dewasa di NBD menghidap hipertensi manakala 51.3 peratus menghidap kolesterol tinggi.

"Malangnya ramai pesakit yang diberi preskripsi ubat untuk keadaan kronik mungkin tidak mengambilnya secara konsisten. Kajian di seluruh dunia juga menunjukkan kadar ketidakpatuhan ubat daripada 30 peratus kepada lebih daripada 50 peratus.

"Tambahan pula, 13 katil Unit Rawatan Rapi Neuro di BNSRC juga telah menyaksikan peningkatan dalam kemasukan baharu sebanyak 8.5 peratus daripada 350 pada 2020 kepada 380 pada 2023. Kira-kira dua pertiga daripadanya adalah pesakit neurologi, dengan hanya di bawah satu pertiga pembedahan saraf pesakit. Di samping itu terdapat peningkatan bilangan pesakit yang menjalani campur tangan neuroradiologi yang kompleks," ujar Yang Berhormat.

Dengan langkah menyelamatkan nyawa yang lebih baik, Penjagaan Neurokritikal, iaitu sub-kepakaran tertumpu Perubatan Penjagaan Kritis, jelasnya, memainkan peranan penting dalam landskap penjagaan kesihatan.

Ini tambah Yang Berhormat, adalah kepakaran yang sangat intensif baik dari segi pengetahuan,

kemahiran, tenaga kerja dan sumber.

Bagaimanapun, kos perolehan peralatan yang semakin canggih untuk neuro dan pemantauan hemodinamik katanya, adalah tinggi tetapi diperlukan bersama dengan protokol berasaskan bukti yang bertujuan untuk hasil klinikal yang lebih baik dan fungsi neurologi yang sakit kritis dan pesakit neurosurgikal.

Untuk menambah ini, rawatan gangguan saraf menurut Yang

Berhormat, memerlukan interaksi yang harmoni antara perbezaan disiplin termasuk kepakaran lain seperti Endokrinologi, Oftalmologi, dan ENT untuk penamaan.

Bahkan, hubungan antara otak dan jantung ujarnya, sangat rapat dengan patologi bersama proses dan epidemiologi yang serupa. Memang sakit jantung dan strok digabungkan sebagai penyakit kardiovaskular mewakili kematian keseluruhan yang tertinggi di negara ini.

Ke arah kecemerlangan penjagaan kesihatan, penyelidikan di NBD

Oleh : Nooratini Haji Abas

JERUDONG, Ahad, 19 Mei. - Kepentingan gangguan saraf tidak boleh berlebihan khususnya dengan trend peningkatan yang ketara sebanyak 95 peratus daripada kemasukan dan 65 peratus pula daripada kehadiran pesakit luar di BNSRC sejak tahun 2019.

Dari itu, kajian Beban Penyakit Global telah mengenal pasti perkara ini sebagai penyumbang tunggal terbesar kepada kecacatan dengan kos penjagaan kesihatan atendan, serta kos jangka panjang kepada masyarakat melalui beban penjagaan dan hilang pendapatan.

Perkara itu ditekankan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi Lembaga Pengarah, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) ketika berucap pada pelancaran 'The BNSRC Frontiers 2024', di Kuliah Teater, Bangunan PJSC.

Malah, sejak penubuhannya pada tahun 2010 sebagai pusat strok yang sangat khusus dan evolusinya menjadi Neurologi sehteti tertiari, Neurosurgery dan pusat Perubatan Pemulihan pada tahun 2018, Yang Berhormat gembira melihat Pusat Strok dan Pemulihan Neurosains Brunei (BNSRC) terus berusaha ke arah kecemerlangan dalam penjagaan kesihatan, latihan dan penyelidikan di Negara Brunei Darussalam.

Bukan itu sahaja, Yang Berhormat menyatakan, pada Januari tahun ini, PJSC memperingati Minggu Scoliosis 2024 dengan penumpuan unik daripada pendidikan perubatan dan penglibatan pesakit dengan Bengkel Scoliosis dan Program Pembedahan Langsung untuk doktor dan hari penghargaan untuk pesakit scoliosis.

Ini juga tambah Yang Berhormat, adalah satu

kesaksian kepada kepentingan kerja antara disiplin dan penglibatan awam.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan seterusnya melahirkan ucapan tahniah kepada BNSRC kerana berjaya melaksanakan Persekutuan dalam program latihan 1 tahun Penjagaan Neurokritikal dengan kerjasama Persatuan India bagi Neuroanesthesia dan Penjagaan Kritis (ISNACC).

Jelas Yang Berhormat lagi, BNSRC adalah pusat luar negara yang pertama yang diakreditasi oleh ISNACC untuk menjalankan program latihan yang dihormati ini.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga merakamkan ucapan terima kasih kepada ISNACC atas jangkauan dan kerjasama mereka. Program latihan bertaualiah ini adalah penting untuk melahirkan proses doktor yang berkualiti tinggi.

"Hari ini menyediakan platform tambahan untuk perkongsian ilmu, kemajuan, pengalaman serta pendedahan kepada doktor muda kami yang baru berkembang, pemimpin masa depan sistem penjagaan kesihatan kita. Pada zaman ini, kemajuan teknologi dalam informatik dan perhubungan global membolehkan kami untuk mengakses maklumat kesihatan yang luas dalam talian dengan sentuhan di hujung jari kami.

"Manakala pembangunan Kecerdasan Buatan atau AI terjalin secara beransur-ansur ke dalam amalan klinikal kami, saya percaya tiada boleh menggantikan AI 'sentuhan manusia' dan memahami yang kita sebagai manusia perlu memberi dan menerima.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat berharap semua peserta akan mengambil peluang yang disediakan oleh BNSRC Frontiers dengan ceramah daripada pakar India, Malaysia dan Brunei dalam bidang Penjagaan Neurokritikal.

penjagaan kritis yang diiktiraf secara meluas, malah, penyertaan beliau dalam simposium menggariskan kepentingan global dicapai semasa acara tersebut.

Simposium ini dibuka kepada pelbagai jenis profesional dan pelajar penjagaan kesihatan tempatan, yang mempunyai minat atau terlibat dengan bidang tersebut, bersemangat

untuk bertukar pandangan dan kepakaran.

Dalam pada itu, PJSC juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Penaja Platinum Boehringer Ingelheim / Angels Initiative dan Penaja Emas Medipharm Sdn. Bhd. dan Medetech Sdn. Bhd. atas sokongan mereka yang tidak ternilai dalam menjayakan BNSRC Frontiers 2024.

Kongsi amalan terbaik mengenai rawatan penyakit neurologi terkini



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Pelancaran 'The BNSRC Frontiers 2024'.

JERUDONG, Ahad, 19 Mei. - Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) hari ini menganjurkan 'The BNSRC Frontiers 2024', iaitu simposium dan persidangan mengenai rawatan dan penjagaan berkaitan neurologi yang bertempat di Teater Kuliah, Bangunan PJSC, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan 'The BNSRC Frontiers 2024' ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Pengerusi Lembaga Pengarah, PJSC.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif, PJSC, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar.

Acara didahului dengan ucptama yang disampaikan oleh Presiden Persatuan Neuroanaesthesiologist dan Penjagaan Kritis India, Dr. V. Bhadrinarayan.

BNSRC Frontiers telah berusaha untuk meningkatkan pengetahuan

dan kesedaran tentang kesihatan dan keadaan saraf melalui pertukaran idea, teknik dan pencapaian teknologi baharu dan kontemporari.

Malah, ia juga menyatakan komuniti perubatan dan sekali gus memberi peluang kepada doktor, jururawat, dan profesional kesihatan bersekutu untuk terlibat dalam arena neurologi sambil belajar tentang amalan terbaik mengenai rawatan dan penjagaan penyakit neurologi yang terkini.

BNSRC Frontiers tahun ini mengemukakan pandangan dan kepakaran daripada profesional antarabangsa yang terkenal dan PJSC memiliki profesional dalam bidang tersebut, dengan memberikan perspektif yang tidak ternilai tentang kemajuan terkini dan amalan terbaik kepada yang hadir.

Antara penceramah antarabangsa terdiri daripada Presiden Persatuan

Neuroanaesthesiologist and Kritis India, Dr. V. Bhadrinarayan. Dengan pengalaman yang banyak dan kepakaran dalam bidang tersebut, Dr. Bhadrinarayan mengongsikan pandangan yang tidak ternilai tentang perkembangan terkini dalam neuroanaesthesiology dan penjagaan kritis.

Seterusnya, Profesor Neuroanaesthesiology and Penjagaan Kritis serta Pendaftar di AIIMS, New Delhi, Dr. Girija Prasad Rath. Penyelidikan meluas Dr. Rath dan sumbangan akademik beliau telah menjadikannya pihak berkuasa yang dihormati dalam bidang berkenaan, dan kehadirannya di simposium itu juga meluaskan perbincangan di samping memupuk kerjasama.

Manakala, Pakar Perunding Neuroanaesthesiologist di Hospital Umum Sarawak, Kuching, Malaysia, Dr. Peter Tan mempunyai kepakaran dalam neuroanaesthesiology and

372.5KG SAMPAH BERJAYA DIKUMPULKAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Azmah Haji Ahad

MUARA, Sabtu, 18 Mei. - Kempen Kebersihan Senegara Persisiran Pantai bagi Serpihan Laut Coastal Marvel di bawah Jawatankuasa Induk Isu-isu Kebersihan (JIIK) bagi Kementerian Pembangunan di Taman Rekreasi Pantai Muara berjaya mengutip kira-kira 372.5 kilogram (kg) sampah.

Lebih 200 orang menyertai kempen yang dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan itu juga berjaya mengutip sebanyak 183kg daripadanya adalah sisa botol plastik.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor



Imtihan binti Haji Abdul Razak. Acara didahului dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan taklimat keselamatan semasa pembersihan pantai. Sebelum memulakan Kempen Kebersihan di sepanjang persisiran pantai, acara diteruskan dengan sesi permanasan badan dan senaman ringan beramai-ramai.

Kempen yang diadakan bersempena Sambutan Hari Bumi 2024 itu turut diselitkan dengan Aktiviti Marvel-Race 2024 iaitu satu pertandingan mini antara jabatan-jabatan dan divisyen-divisyen di bawah Kementerian Pembangunan yang melibatkan aktiviti-aktiviti pergerakan, interaktif dan informatif bagi memeriahkan lagi acara kempen tersebut.

Turut hadir, Setiausaha Tetap

SETIAUSAHA Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar), Kementerian Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada kempen kebersihan berkenaan.

(Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohammad Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang), Dayang Aldila binti Haji Mohammad Salleh; Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit, selaku Pengerusi Majlis serta ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Adapun kempen berkenaan mula diperkenalkan pada tahun 2021 oleh Kementerian Pembangunan dan Kempen Kebersihan Coastal Marvel itu juga dijadikan satu usaha 'lead by example' pihak kerajaan di bawah JIIK dalam meningkatkan kesedaran awam perihal kepentingan menjaga kebersihan,

TURUT hadir, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional) (kiri). Manakala gambar kanan, sebahagian daripada para peserta yang menyertai kempen berkenaan.



khususnya di persisiran pantai dan di perairan.

Selain itu, memperkasa masyarakat untuk mananamkan rasa tanggungjawab dalam melindungi dan memelihara alam

sekitar melalui kaedah pembuangan sampah yang betul. Maklumat lanjut mengenai kempen ini turut dikongsikan di laman Instagram rasmi Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi @jastre.bn.



Pesta Adau Gayoh : Platform melestarikan warisan budaya

TUTONG, Sabtu, 18 Mei. - Pesta Adau Gayoh adalah bukti keindahan dan kekayaan warisan budaya, di mana sambutan seperti ini menjadi platform untuk memperkenalkan budaya terutama sekali kepada generasi muda supaya tidak lupakan ditelan zaman.

Melalui pesta seperti ini juga dapat mempamerkan keunikan tradisi, makanan, muzik, tarian, dan pakaian tradisional yang mencerminkan identiti masyarakat Dusun sejarah dengan tema pesta kali ini iaitu 'Melestarikan Adau Gayoh Sebagai Warisan Budaya'.

Perkara itu disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Muhammad Usamah bin Haji Sarbini semasa Majlis Pelancaran Pesta Adau Gayoh Kebangsaan 2024 yang diadakan di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, di sini.

Hadir selaku wakil tetamu-tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Abdul

Walid bin Haji Matassan, selaku wakil Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman; dan Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohd. Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, selaku wakil Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa oleh Ketua Kampung Bukit Beruang dan Rancangan Perumahan Negara (Asal), Awang Moksin bin Haji Moktar.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan persembahan pentas iaitu Dodoi Adau Gayoh, Acara Penakod Dulang Pagar, Acara menunda replika kerbau dan nyanyian ramai Adau Gayoh.

Atur cara kemudian diteruskan dengan lawatan ke Pameran Statik iaitu proses penanaman padi, teknologi jerat binatang dan burung,

SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, selaku wakil Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; dan Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, selaku wakil Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu-tetamu kehormat dan seterusnya membuat lawatan ke pameran berkenaan (kanan). Sementara gambar bawah kiri dan bawah kanan, antara persembahan pada majlis tersebut.

demonstrasi menutuk padi dan lain-lain, jualan produk 1K1P dan Tamu Ria.

Adau Gayoh merupakan sebuah perayaan yang penting dan bermakna kepada masyarakat Dusun.

Ia bukan sahaja melambangkan rasa syukur terhadap nikmat-nikmat berupa hasil tanaman padi yang dituai, tetapi juga sebagai



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

satu wadah untuk mengeratkan silaturahim kekeluargaan etnik di peringkat mukim dan kampung.

Selain itu juga dapat meningkatkan nilai kebersamaan dan jati diri bangsa, memberi pendedahan serta pengetahuan kepada golongan muda di negara ini mengenai warisan budaya

dalam kehidupan bermasyarakat.

Turut hadir di acara tersebut ialah Tuan-tuan Yang Terutama Perwakilan-perwakilan dari negara-negara sahabat; Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan; Penghulu-penghulu Mukim; Pemangku-pemangku Penghulu Mukim; Ketua-ketua Kampung; dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung Daerah Tutong.



KEUTUHAN KEKELUARGAAN MEMPERKUKUH KEMAKMURAN NEGARA



JAWATANKUASA Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) semasa mengadakan mesyuarat pertama bagi membincangkan persediaan-persediaan bagi menyambut HKK Kali Ke-12 yang berlangsung di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Mei. - Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) mengadakan mesyuarat pertama hari ini bagi membincangkan persediaan-persediaan bagi menyambut HKK Kali Ke-12 yang berlangsung di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Hadir selaku Pengerusi Bersama

Sambutan HKK bagi tahun 2024 adalah Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Dalam ucapan alu-aluananya, Dayang Hajah Nor Ashikin selaku

Pengerusi Bersama, mengongsikan bahawa dalam mengerakkan Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035, iaitu pencapaian Kualiti Kehidupan Rakyat Yang Tinggi, satu Social Blueprint telah digubal dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), yang mengenal pasti keluarga sebagai salah satu bidang fokus utama sebagai landasan bagi penyediaan, pelaksanaan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

pemantauan dasar dan strategi yang lebih terarah bagi pencapaian matlamat tersebut.

Tambahnya, ini adalah kerana keluarga memainkan peranan penting dalam pembentukan modal insan berlandaskan nilai-nilai murni, kasih sayang, hormat-menghormati serta nilai-nilai keagamaan yang teguh, yang menyumbang kepada kesejahteraan dan kebajikan masyarakat.

Nilai-nilai murni yang diterapkan dalam inisiatif keluarga jelasnya, akan menentukan keutuhan sesuatu masyarakat dalam mengharungi pelbagai perubahan dan cabaran bagi memperkuuhkan lagi keselamatan, keamanan, kemakmuran dan kemajuan negara.

Beliau berharap Sambutan HKK pada tahun ini akan menjadi platform untuk mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dan memperkuuhkan nilai-nilai murni dalam keluarga.

Sambutan HKK tekannya, merupakan salah satu inisiatif utama dalam Pelan Tindakan Keluarga di bawah MKIS.

Cadangan Pelan Tindakan Keluarga bagi tahun 2023 - 2027 menurutnya lagi, telah dibentangkan dan disahkan di peringkat MKIS pada Mei 2023 dan akan dilancarkan pada tahun ini.

Beliau juga mengharapkan sambutan HKK ini diraikan di semua peringkat umur dan merentas generasi bermula dengan peringkat

kanak-kanak; para belia, golongan warga emas dan tidak melupakan golongan OKU.

Oleh itu katanya, adalah diharapkan agar semua pihak, agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan, institusi-institusi, para Penghulu dan Ketua Kampung, serta pemimpin akar umbi masyarakat, berganding bahu untuk terus sama-sama bekerjasama, dalam memberikan komitmen yang sepadu, terutama sekali dalam mengerakkan acara-acara sambutan, sama ada di peringkat kebangsaan, daerah, mukim atau kampung masing-masing, mahupun di peringkat sekolah dan institusi tertinggi, organisasi, persatuan, masyarakat, ataupun kumpulan keluarga masing-masing, untuk mencapai matlamat tersebut.

HKK disambut pada setiap Ahad di minggu pertama bulan Mei setiap tahun, dan tema HKK pada tahun ini ialah 'Keluargaku Harapanku', manakala Fokus HKK adalah 'Menerapkan Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei: Sayang-menayangi; Tanggungjawab; Hormat-Menghormati; Pemedulian' (Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei : 'SaTu HaraPan').

Turut hadir ke mesyuarat ini ialah ahli-ahli jawatankuasa tertinggi yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kerajaan, sektor swasta dan persatuan badan-badan bukan kerajaan.

Majlis raikan penuntut SUAMPRIPAH tamat pengajian



Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUNGKU LINK, Sabtu, 18 Mei. - Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAH) pagi tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan diselajurkan dengan Majlis Haflut Takharruj bertempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Majlis ini merupakan aktiviti tahunan SUAMPRIPAH bagi meraikan dan memberikan penghargaan kepada penuntut-penuntut Tahun 10 (Fast-Track) dan Tahun 11 (Normal-Track) yang telah menamatkan pengajian mereka pada tahun lepas.

Seramai 288 penuntut diraikan dalam majlis berkenaan.



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dan diselajurkan dengan Majlis Haflut Takharruj dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada salah seorang penerima (atas dan kiri). Sementara gambar bawah kiri, antara peserta-peserta khatam pada majlis berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis dan diikuti dengan bacaan doa sebelum membaca Al-Quran dan surah-surat lazim oleh peserta-peserta khatam.

Seterusnya, bacaan Takhtim pula dibacakan oleh sebahagian penuntut-penuntut Sanah 10 manakala Doa Khatam dipimpin oleh penuntut yang diraikan, Dayang Norhaneyah binti Nordin.

Majlis juga diserikan lagi dengan Dikir Asyraqal oleh sebahagian penuntut-penuntut Sanah 10.

Sejurus selesai Majlis Khatam Al-Quran, Majlis Haflut Takharruj

dimulai dengan ucapan Pengerusi Majlis, Dayangku Aidi Noorintan binti Pengiran Haji Zinin.

Dalam ucapan beliau antara lain mengongsikan beberapa program dan aktiviti terus dilaksanakan oleh pihak madrasah sebagai nilai tambah dalam pembelajaran dan pengukuhan rohani yang berterusan untuk para tholibaat khasnya dan warga madrasah amnya, antaranya seperti Program Ihma, Manasik Haji, Kuiz SPUB dalam kalangan sekolah-sekolah Arab, Program Intervensi SPUB dan 'O' Level, Jerayawara Mata Pelajaran Imtihan SPUB dan BC GCE 'O' Level, Program Qimma Al Lughah Al 'Arabiyyah, Program Qanun Al Lughah Al 'Arabiyyah dan Program-program motivasi.

Majlis ini juga menyaksikan seramai 24 penuntut menerima hadiah Penuntut Terbaik dalam Peperiksaan SPUB 2023M dan enam penuntut menerima

hadiah Penuntut Terbaik dalam Peperiksaan BGCE 'O' Level 2023M.

Seterusnya tiga penuntut menerima Anugerah Imtiyaz terdiri daripada Pelajar Imtiyaz Akademik Aliran Sains, Dayang Nurfa'eqah Syahirah binti Haji Abdul Majid; Pelajar Imtiyaz Akademik Aliran Arab, Dayang Siti Hajrimar Nur Syaziah binti Haji Mazhajri dan Pelajar Imtiyaz Ko-Kurikulum, Dayangku Batrisyia Iwana binti Pengiran Omar. Manakala Dayang Ainaa Zunah Insyirah binti Haji Abdul Manap dianugerahkan sebagai Pelajar Mulhimah bagi tahun 2023M.

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan pentas dan tayangan video penghargaan daripada penuntut-penuntut yang diraikan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh tenaga pengajar sekolah berkenaan, Ali Mohammad Moustafa Ali El-Saghir.



**Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin
Pg. Dauddin**

TUTONG, Ahad, 19 Mei. - Bagi menghargai jasa dan bakti Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja (AJKK) pada Jambori Nasional Ke-5, Persatuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) melalui Jawatankuasa Kerja Jambori Nasional Ke-5 petang tadi mengadakan Majlis Penghargaan bagi AJKK yang berlangsung di Dewan Ar-Rayyan, Amas Lamunin, Kampung Lamunin, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Muhammad Usamah bin Haji Sarbini.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan ucapan daripada Pengurus Jawatankuasa Kerja Jambori, diikuti dengan tayangan video jambori bagi mengimbaskan semula rentetan perjalanan Jambori Nasional ke-5.

Acara diteruskan lagi dengan acara kemuncak iaitu penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada AJKK Jambori yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Juga hadir, Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussin; Timbalan Ketua

HARGAI JASA, BAKTI AJKK JAMBORI NASIONAL KE-5



Pesuruhjaya, Awang Mohammad Arif bin Abd. Hadi; Pesuruhjaya-pesuruhjaya Pengakap, Penolong-penolong Pesuruhjaya Daerah,

Pemimpin-pemimpin Pengakap, ahli-ahli Pengakap serta jabatan-jabatan yang turut serta semasa Jambori Nasional Ke-5.

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Muhammad Usamah bin Haji Sarbini semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada penerima pada Majlis Penghargaan bagi Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja (AJKK) yang berlangsung di Dewan Ar-Rayyan, Amas Lamunin, Kampung Lamunin (atas kiri dan atas kanan).

Awang Mohammad Farid calon tunggal Ketua Kampung Pandan 'D'



SEKITAR Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Pandan 'D', Mukim Kuala Belait, Daerah Belait yang diadakan di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Sayyidina Ali (kiri dan kanan).

KUALA BELAIT, Ahad, 19 Mei. - Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Pandan 'D', Mukim Kuala Belait, Daerah Belait telah diadakan pada hari ini bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Sayyidina Ali, di sini.

Pengundian pada hari ini menggunakan kaedah kertas undi (*ballot papers*) manakala,

pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK telah bermula pada Jumaat, 17 Mei 2024 pada jam 8.00 pagi.

Hadir di majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann, selaku Ketua Kampung Bukit Sawat; Pemangku Pegawai Daerah Belait, Haji Amiroh Hafidzin bin Haji

Muhammad; Mohammad Haazeq bin Arsad, wakil dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Penolong Pegawai Daerah Belait; Penghulu Mukim Kuala Belait serta Ketua-ketua Kampung dan Pemangku-pemangku Ketua Kampung di Mukim Kuala Belait.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat yang diketuai oleh Imam

Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait, Awang Abdul Azim bin Haji Abdul Majid, dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pegawai Daerah Belait.

Calon tunggal yang layak bagi jawatan Ketua Kampung Pandan 'D', Mukim Kuala Belait ialah Awang Mohammad Farid bin Kasim berusia 34 tahun.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Belait

Beliau berkelulusan Sijil Kejururawatan dari Universiti Brunei Darussalam dan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa ('O' Level) dan pada masa ini beliau berkhidmat sebagai Pembantu Jururawat di Jabatan Perkhidmatan Renal, Kementerian Kesihatan.

Seramai 53 penduduk kampung telah mengundi calon untuk mengisikan jawatan Ketua Kampung Pandan 'D', Mukim Kuala Belait menggunakan kertas undi (*ballot paper*) dan tidak ada yang mengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK.

Dari jumlah yang telah mengundi tersebut semua bersetuju bagi calon tersebut untuk dicalonkan sebagai Ketua Kampung Pandan 'D'.

Keputusan-keputusan pengundian yang diperoleh akan dibawa dan digunakan dalam menyediakan sokongan yang mana seterusnya dihadapkan kepada Lembaga Perjawatan, Disiplin, Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses yang selanjutnya.

KUIZ PENERANGAN

SIRI PERTAMA ISNIN, 20 MEI 2024

1. Bilakah tarikh penubuhan Jabatan Penerangan?

- A. 1 April 1952
- B. 1 April 1954
- C. 1 April 1956

2. Jabatan Penerangan menerbitkan Akhbar Rasmi Kerajaan, Pelita Brunei edisi cetakan pada setiap hari apa?

- A. Isnin, Rabu, Jumaat
- B. Isnin, Rabu, Sabtu
- C. Selasa, Khamis, Sabtu

3. Jabatan Penerangan terletak di bawah kementerian?

- A. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
- B. Jabatan Perdana Menteri
- C. Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

4. Jabatan Penerangan mempunyai satu program khusus berbentuk *edutainment* yang merangkumi taklimat kenegaraan dan persembahan hiburan seperti sketsa / drama, lawak jenaka, kuiz, nyanyian atau tarian.
Sila nyatakan nama program berkenaan _____

5. Jabatan Penerangan mempunyai tiga akaun media sosial, iaitu Facebook, Instagram dan X.
Sila nyatakan nama akaun bagi media-media sosial berkenaan _____

TARIKH TUTUP PENYERTAAN
SABTU, 25 MEI 2024, JAM : 4.30 PETANG

**ANJURAN JABATAN PENERANGAN, JABATAN PERDANA MENTERI
SEMPENA SAMBUTAN MEMPERINGATI PENUBUHAN JABATAN PENERANGAN
KE-72, TAHUN 2024**

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Kuiz dibuka kepada orang ramai berumur 12 tahun dan ke atas (kecuali pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan serta ahli keluarga).
2. Hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja.
3. Sila hantarkan jawapan berserta maklumat di bawah dengan betul dan lengkap ke alamat e-mel berikut: pr@information.gov.bn

KETERANGAN PESERTA

Nama: _____
No. Kad Pengenalan: _____
Tarikh lahir & Umur: _____
Nombor Telefon: _____

HADIAH PEMENANG

- Pemenang adalah dihadkan kepada lima pemenang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai yang berjaya menjawab dengan tepat.
- Para pemenang akan menerima hadiah berupa *voucher* bernilai BND50 setiap seorang.
- Para pemenang akan dihubungi untuk mengambil hadiah.

MEMPERKASA PAKAR PENJAGAAN NEUROKRITIKAL MASA DEPAN

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

JERUDONG, Sabtu, 18 Mei. - Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) melalui Pusat Strok dan Pemulihan Neurosains Brunei (BNSRC) hari ini meraikan peserta pertama Program Fellowship Setahun dalam Penjagaan Neurokritikal pada Sidang Media yang diadakan di PJSC.

Hadir pada sidang media tersebut ialah Pengarah Eksekutif, PJSC, Dr. Haji Mazrul Adimin bin Haji Awang Besar; Pengarah BNSRC, PJSC, Dr. Dayangku Siti Nur'ashikin binti Pengiran Dato Paduka Haji Tengah; Pengarah Kursus Persekutuan Pasca Kedoktoran Penjagaan Neurokritikal BNSRC dan Ketua Jabatan / Perunding Intensivis Unit Rawatan Rapi Neuro (NICU), Dr. Chidananda Swamy Muthugaduru Narappa; Presiden Persatuan Neuroanaesthesiologist dan Penjagaan Kritis India (ISNACC), Dr. V Bhadrinarayan; Setiausaha ISNACC, Dr. Girija Prasad Rath dan

penerima Program Persahabatan Setahun dalam Penjagaan Neurokritikal, PJSC, Dr. Nurulhuda binti A. Manap.

Penjagaan Neurokritikal merupakan satu aspek penting dalam pengurusan rawatan rapi yang memberi tumpuan kepada pesakit dengan keadaan neurologi dan pembedahan saraf yang telah mengancam nyawa.

Ia juga merapatkan jurang antara kerumitan neurologi dan penjagaan kritis, malah, memastikan rawatan komprehensif dan berkesan dalam unit khusus untuk pesakit.

Bahkan, ini juga untuk memastikan bahawa permintaan yang semakin meningkat untuk penjagaan khusus dalam Unit Neurointensif di negara ini dipenuhi dengan individu yang berkebolehan dan berpengetahuan tinggi.

Diketuai oleh Neurointensivis (Neurointensivists), program

penggabungan ini menekankan penjagaan kolaboratif, yang melibatkan Pakar Neurologi, Pakar Bedah Neuro, Pakar Radiologi Neuro-endovaskular, Anestesiologi, Jururawat Rawatan Kritis, dan ahli Farmasi.

Bukan itu sahaja, penyelidikan juga telah menunjukkan bahawa penjagaan khusus dalam unit penjagaan neurokritikal yang diketuai oleh pakar neurointensivis meningkatkan hasil, mengurangkan kadar kematian, tidak lama dirawat di hospital dan penjagaan kos yang efektif.

Penggabungan ini diakreditasi oleh ISNACC, dan menyasarkan calon yang telah menamatkan latihan pasca kedoktoran dalam anestesiologi, penjagaan kritis, perubatan dalam, neurologi, atau pembedahan

 PANTAI JERUDONG SPECIALIST CENTRE

[PANTAI JERUDONG SPECIALIST CENTRE](#)

[PJSCBRUNEI](#)

[WWW.PJSCBRUNEI.COM](#)

PUSAT Pakar Pantai Jerudong (PJSC) melalui Pusat Strok dan Pemulihan Neurosains Brunei (BNSRC) meraikan peserta pertama Program Fellowship Setahun dalam Penjagaan Neurokritikal pada Sidang Media yang diadakan di PJSC.

saraf. Selepas tamat program, calon seterusnya akan menjalani peperiksaan yang dikendalikan oleh ISNACC, dan kemudiannya menerima Sijil Persahabatan Pasca Kedoktoran.

Pastikan Akta Sukatan, Timbangan 1983 Penggal 151 dipatuhi



PEMERIKSAAN dan penitian bacaan ketepatan alat timbangan jenis *brake tester* yang telah dijalankan oleh Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Mei. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengendalikan pemeriksaan dan penitian bacaan ketepatan alat timbangan jenis *brake tester* pada Sabtu, 11 Mei 2024.

Hasil daripada pemeriksaan dan penitian bacaan ketepatan ke atas dua unit alat timbangan jenis *brake tester* yang digunakan dalam perkhidmatan VIS bagi Syarikat G.H.K Motors Sdn. Bhd. dan Syarikat Jati Transport Sdn. Bhd. adalah sah, tepat dan berdaftar selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, Peraturan-peraturan (Penelitian) Alat-alat Sukatan dan Timbangan 1994; di bawah Seksyen 3(1).

Para peniaga dan pengguna alat sukat dan timbang juga adalah dikehendaki untuk sentiasa mematuhi Peraturan-peraturan (Penelitian) Alat-alat Sukatan dan Timbangan 1994; di bawah Seksyen 3(2); setiap orang yang menggunakan atau ada pada miliknya untuk kegunaan perdagangan mana-mana timbangan, sukatan alat-alat untuk menimbang yang tidak dicap sebagai aman yang dikehendaki oleh peraturan ini adalah bersalah.

Hukuman denda sebanyak BND1,000 atau penjara selama tiga bulan atau kedua-duanya sekali dan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang yang tersebut itu adalah boleh dirampas dan sebarang kontrak, tawar-menawar, jualan atau urusan dagang yang dibuat dengan timbangan, sukatan atau alat untuk menimbang sedemikian adalah tidak sah. Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT melalui e-mel : sdt@mofe.gov.bn.

5 pelajar, 2 guru pengawas sertai SSHP 2024

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



LIMA pelajar bersama dua guru pengawas berlepas ke Jepun bagi menyertai Sakura Science High School Program (SSHP) 2024 yang dianjurkan oleh Japan Science and Technology Agency (JST) mulai 19 hingga 25 Mei 2024.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Mei. - Lima pelajar dan dua guru pengawas yang dicalonkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), malam tadi berlepas ke Jepun bagi menyertai Sakura Science High School Program (SSHP) 2024 yang dianjurkan oleh Japan Science and Technology Agency (JST) mulai 19 hingga 25 Mei 2024.

Sehubungan itu, hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Ketua Pusat STEP, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim.

Delegasi dari Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Dayang Nurfa'eqah Syahirah binti Haji Abdul Majid dari Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong; Albert Quet Moncherry dari PTE Meragang; Mohamed Nabil bin Mohamed Hairol dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Lee Jing Jing dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan Muhd. Luqman Al-Hakim bin Aliuddin dari

PTE Tutong.

Mengetuai delegasi tersebut Pegawai Pendidikan dari PTE Belait, Dayang Norlela binti Puasa; dan Pegawai Pendidikan dari PTE Sengkurong, Wahidatu Ashriha binti Ya'akub.

Program SSHP 2024 akan diisikan dengan aktiviti lawatan ke institusi pendidikan dan penyelidikan, makmal dan tempat-tempat menarik di Jepun seperti Tokyo University, Japan Aerospace Exploration Agency (JAXA), National Institute of Advanced Industrial Science and Technology, Sophia University, dan the National Museum of Emerging Science and Innovation 'Miraikan'.

Para peserta akan turut menghadiri kuliah dan membuat pembentangan semasa program tersebut dijalankan.

Kumpulan peserta pelajar yang mewakili setiap negara adalah dikehendaki untuk menghasilkan pembentangan dan pertunjukan singkat untuk memperkenalkan negara dan budaya untuk dikongsikan semasa program berlangsung bersama-sama

dengan kumpulan peserta pelajar antarabangsa.

Pelajar-pelajar yang terpilih adalah mereka yang sedang menuntut di peringkat Pra U yang berumur 15 tahun ke atas berdasarkan kecemerlangan dan minat mereka dalam mata pelajaran Sains dan Teknologi.

Program bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada perkembangan sains dan teknologi di Jepun dengan mengadakan lawatan ke universiti-universiti dan institut-institut penyelidikan, menghadiri kuliah yang membincangkan tentang kemajuan dalam bidang Sains dan Teknologi serta menimba pengalaman mengenai *cutting-edge* dalam bidang Sains dan Teknologi, termasuk melaksanakan *hands-on experiment* melalui demonstrasi dari saintis terkemuka.

Selain itu, program tersebut juga memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk berinteraksi dengan pelajar-pelajar dari Jepun, India, Korea, Kyrgyzstan, dan Thailand yang menyertai program berkenaan dan sekali gus memberikan pendedahan kepada budaya Jepun dan penduduknya.

PDI ANJUR PROGRAM 'ILM SERIES SIRI KE-19'



PENOLONG Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi semasa menyampaikan ceramah yang bertajuk 'Kriteria Pemimpin Muda Dalam Islam'.

PULAIIE, Ahad, 19 Mei. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) pagi tadi mengadakan Program 'Ilm Series Siri Ke-19 bertempat di Dewan Mau'izhah, pusat berkenaan di sini.

Program tersebut terbahagi kepada dua sesi, iaitu sesi pertama ialah ceramah yang dibuka kepada Ahli Jawatankuasa (AJK) Belia Da'ie dan juga orang awam, manakala sesi kedua ialah Bengkel Pengendalian Program khusus bagi

AJK Belia Da'ie.

Bagi sesi pertama, ceramah bertajuk 'Kriteria Pemimpin Muda Dalam Islam' disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Dalam ceramah, beliau menjelaskan beberapa perkara penting yang boleh diambil mengenai tiga jenis kepimpinan, iaitu motivasi, tidak putus asa, dan mengambil bahagian dalam gerak kerja bersama pekerjaanya.

Menurutnya, seorang pemimpin berperanan untuk menjaga dan mengawasi orang-orangnya.

Daripada perspektif Islam pula jelasnya, pemimpin itu adalah seorang Imam, mempunyai kualiti rohani yang dijalin dengan pengikutnya, analogi solat berjemaah, dan bersama dalam mencapai lima Maqasid Syariah.

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menerapkan ciri-ciri yang dijaga bagi seorang pemimpin itu seperti kredibiliti, berwawasan, Qud wah Hasanah, syura dan tidak berkompromi dalam soal prinsip," ujarnya lagi.

Sesi pertama tersebut juga boleh diikuti oleh orang awam secara dalam talian (*online*) melalui aplikasi media sosial Instagram rasmi Belia Da'ie.



ANTARA belia yang menghadiri Program 'Ilm Series Siri Ke-19 di Dewan Mau'izhah, Pusat Da'wah Islamiah.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah

Sambutan orang ramai adalah sangat menggalakkan dengan kehadiran pada sesi pertama seramai 65 orang yang terdiri daripada kalangan para asatizah, pegawai-pegawai kerajaan, golongan pesara, para belia termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) luar,

mahasiswa-mahasiswa universiti, alumni-alumni Akademi Da'wah dan juga persendirian.

Program diteruskan lagi dengan sesi kedua, iaitu Bengkel Pengendalian Program bertajuk 'How to Become a PIC' yang dikendalikan oleh Ahli Jawatankuasa

Tertinggi (AJKT) dan fasilitator Belia Da'ie.

Dengan adanya bengkel tersebut, diharapkan agar AJK Belia Da'ie bagi pengambilan 2023 hingga 2025 dapat memahami dan merancang program yang akan dikelola pada masa akan datang dengan lebih lancar dan teratur.

Platform kongsi pengetahuan mengenai gejala *burnout*

SENGKURONG, Ahad, 19 Mei. - Seramai lebih daripada 50 belia telah menyertai Forum Mengatasi Gejala Burnout yang diadakan pada 18 Mei 2024 di Masjid Sultan Sharif Ali Kampung Sengkurong (MSSAS).

Gejala *burnout* merupakan keadaan emosi, mental dan keletihan fizikal yang disebabkan oleh tekanan berlebihan yang berpanjangan, dan jika tidak terkawal akan menjadikan kesihatan mental.

Forum diadakan bertujuan untuk memberi pencerahan kepada para belia mengenai gejala *burnout* agar lebih dapat menjalankan kehidupan yang serba kompleks pada hari ini dengan lebih baik dan tenang, dengan petunjuk Allah Subhanahu Wata'alua jua.

Antara lainnya, forum menjelaskan mengenai pengertian *burnout* dan juga sebab terjadinya *burnout*, di samping mengongsikan beberapa petua pengurusan masa dan emosi sebagai langkah berjaga-jaga.

Forum yang dianjurkan bersama oleh Kumpulan Syababul Iman MSSAS dan Takmir MSSAS tersebut memuatkan kongsi sama daripada beberapa mentor belia yang aktif dalam aktiviti kebeliaan, dan dalam masa yang sama memikul tanggungjawab yang lain seperti seorang ibu, bapa, penjawat awam dan lain-lain.

Penolong Profesor Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abdul Rahman selaku Pembimbing Belia Masjid Senegara, yang juga merupakan salah seorang ahli panel dalam forum tersebut telah menekankan akan kepentingan pendekatan senegara dalam menangani gejala *burnout* dalam kalangan belia bagi memastikan keberkesanannya usaha-usaha yang dijalankan.

Turut berkongsi sebagai ahli panel dalam forum tersebut ialah Ketua Unit Pembangunan Belia, Belia Masjid Senegara, Awang Muhammad Shairi bin Haji Samsudin, manakala moderator forum ialah Timbalan Penggerusi Belia Muallaf As-Syahadah, Dayang Nurul Huda binti Mohammad Ashraf.

Kumpulan Syababul Iman merupakan sebuah kumpulan belia masjid yang telah ditubuhkan secara

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali Kampung Sengkurong



PARA ahli panel pada Forum Mengatasi Gejala Burnout yang diadakan di Masjid Sultan Sharif Ali Kampung Sengkurong.

rasmi pada 23 Mac 2012, dengan objektif untuk melahirkan generasi belia rabbani yang berpandukan Al-Quran dan sunnah, melahirkan pemimpin-pemimpin yang akan dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara selain mengimarahkan masjid dengan aktiviti-aktiviti yang membangun jiwa dan minda seperti fungsi masjid yang terdapat di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

کمپین کسیجن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan:
Lekek atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

HALUAN

>> Muka 2

Kalau tidak demikian maka *biskita* tidak menghargai nikmat itu, tidak mempergunakan sewajarnya bahkan mengingkarinya yang biasa disebut mengkufuri nikmat. Maka ketahuilah mengkufuri nikmat Allah iaitu tidak menggunakaninya dengan baik, mensia-siakannya dan bahkan mengabaikannya terbiar sehingga menjadi rosak - semua adalah mendatangkan akibat dan membawaikan risiko yang tidak baik.

Allah berfirman : ertiinya : "Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu memaklumkan, " Sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan menambah (nikmat) kepadamu, tetapi jika kamu mengingkarai (nikmat-Ku), sesungguhnya azab-Ku benar-benar sangat keras".

Maka dari itu, pada majlis pagi ini kita panjatkan doa kepada Allah Subhanahu Wata'alua supaya *abiskita*, sihat dan afiat, dimudahkan urusan dan perjalanan, jangan lupa berazam untuk menggunakan kesempatan ketika berada di Tanah Suci nanti menunaikan ibadat haji, dengan bersungguh-sungguh beribadat dan membuat kebajikan, menjaga dan mengawal diri dari melanggar pantang larang ibadat, bersikap ramah dan berbaik sangka sesama jemaah, tidak bertengkar, berbantah-bantah serta sentiasa menanamkan sifat sabar di setiap keadaan.

Dengan itu, baharulah *biskita* dapat dikatakan mensyukuri nikmat Allah Subhanahu Wata'alua kerana mentakdirkan *biskita* menerima seruan panggilan suci menjadi tetamu-Nya menunaikan ibadat haji. Dan dengan cara itu *biskita* boleh berharap akan mendapat limpah kurnia Allah yang berlipat ganda sebagaimana yang dijanjikan-Nya dalam firman-Nya tadi.

Semoga limpah rahmat Allah yang berganda sebagai ganjaran *biskita* tidak mengkufuri nikmat-Nya iaitu ialah ibadat haji *biskita* diterima dan dinilai baik oleh Allah sebagai haji yang mabrur yang balasannya ialah syurga, pahala amal ibadat dan kebajikan *biskita* akan berlipat ganda berkatnya.

Demikianlah sebenarnya yang *biskita* harapkan dan kami semua turut berharap dan mendoakan. Sekianlah yang sempat saya sampaikan dengan harapan maksudnya dapat difahamkan. Saya akhiri dengan mengucapkan kepada *biskita* semua 'Selamat Menunaikan Ibadat Haji', semoga mendapat haji yang mabrur.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

دعاء ممohen كفـد الله سقـاي قـرـسلامـة درـقد بلـاء دـان سـكـل جـنـيس قـيـاـكـيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى أَلِيهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۴.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۴.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۴.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرُ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيْرِ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْنَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبَلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَنْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۴.

وَصَلَى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu ‘alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahanatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَيُومُ لَا تَأْخُذْنَا
سِنَةً وَلَا نَوْمًا لَمَّا مَاتَنَا السَّمَوَاتِ وَمَا
فِي الْأَرْضِ مِنْ ذَاذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ
إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يَجِدُونَ شَيْئًا مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا يَمْشَأ
وَسَعَ كُرْبَبَيْهِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَا يَتُوْدُهُ
حَفْظُهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ۝

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبُ، وَتُقْضَى بِهِ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى
الْعَفَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ فِي كُلِّ لَعْنَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْلَامِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ،
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي،
فَاغْفِرْ لِي فَإِنْهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engku. Engku telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahanan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engku".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يع مباوا کبرا و نتو عن ساعت بسر کقد قع عملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حُوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(3)

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(2)

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(1)

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(5)

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua)).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

(4)

**Pemberitahuan Tawaran**

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 03 / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Pembinaan Kerosakan Kecil dan Mencat Bangunan Gerai Selera Tutong, Jalan Menteri Taib, Pekan Tutong

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 04 /
2024-2025

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Aset-Aset Jabatan Bandaran Tutong (Banglo JKR No. 82 & 83 Kelas 'F', Jalan Sungai Basong).

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
12 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang

**Pemberitahuan Sebut Harga**

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 25 / 24-25 -
Pembelian Harta Benda (Prop)
Untuk Rancangan TV

Yuran Sebut Harga / (termasuk e-dokumen):
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas / (Hardcopy):
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
29 Mei 2024
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN HAL EHWAU UGAMA**

Bilangan Sebut Harga :
KHEU / PTK / 6 / 2006 PT.33

Tawaran Perkhidmatan Menyediakan, Memasang dan Membuka Billboard dan Vertical Banners Melalui Tajaan Bagi Tahun 1446H / 2024-2025:-

- Majlis Sambutan Ihal Hijrah Bagi Tahun 1446H
- Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad SAW Peringkat Negara Bagi Tahun 1446H
- Majlis Sambutan Perhimpunan Khas Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1446H
- Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Negara Bagi Tahun 1446H
- Majlis Sambutan Isra' Mi'raj Peringkat Negara Bagi Tahun 1446H
- Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Bagi Tahun 1446H

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu,
29 Mei 2024M,
Jam 2.00 Petang.

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Bilangan Tawaran :
05 / 2024

Tajuk Tawaran :

Tawaran Perkhidmatan Bagi Tempoh Satu (01) Tahun Untuk Kawalan Serangga (Pest Control) Di Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Bangunan-Bangunan dan Pejabat-Pejabat di Bawah Kawalan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 11 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang.



Jemputan Untuk Memberi Tawaran

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 006 / 2024

Tajuk:
Supply, Delivery, Install and Commissioning New Parallel Shaft Fan Drive Gearbox For Bukit Panggal Power Station, Tutong

Yuran Sebut Harga:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Peti Tawaran / Tender Box"
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Pembekal Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Bagi

Kategori:
M03

Kelas:
II, III atau IV

Tarikh Tutup:
25 Jun 2024,
(Selasa, 2.00 Petang)



Jemputan Untuk Memberi Tawaran

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / KOP / 014 / 2024

Tajuk:
Supply And Delivery Of Distribution Feeder Pillar

Tempat Tutup :
"Tender Box"

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913 Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:
BND500.00

Kelayakan:
Pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan bagi

Kategori :
P05

Dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh di Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
11 Jun 2024,

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

Membekal dan Menghantar Trophies BICTA 2024 Bagi Kategori Smart Nation Awards Dan Judges Trophy

Rujukan Tawaran :
KP(MC)SUT / 17

Tarikh Tutup :
Rabu,
29 Mei 2024

**Tajuk Sebut Harga :**

1. RTB / K / 14 / 24 - 25 – Penggambaran dan Penyuntingan Program Majalah TV, Terbitan Bahagian Rancangan TV, RTB.

2. RTB / K / 15 / 24 - 25 – Penggambaran dan Penyuntingan Program Majalah TV, Terbitan Bahagian Rancangan TV, RTB.

3. RTB / K / 17 / 24 - 25 – Penggambaran dan Penyuntingan Program Majalah TV, Terbitan Bahagian Rancangan TV, RTB.

Bayaran Yuran
(termasuk e-dokumen):
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy):
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 29 Mei 2024
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
1 / 2024-2025

Tajuk Tawaran:

Supply And Delivery Of 23 Units Of Low Back Chair Fabric-Typed With Twin Wheel Castor For Pejabat Tanah Daerah Tutong, Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
2 / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery And Installation Of Conference Microphone System At Tingkat 4, Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan (Brand Pevy Is Preferred)

Bilangan Tawaran:
3 / 2024-2025



Tajuk Tawaran:
Quotation For Acrylic Signface

Bagi Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Geran Tanah Skim Penggeraman Tanah Lesen Tumpang Sementara, Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
4 / 2024-2025

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery And Installation Of New Carpet And Flooring At Pejabat Tanah Daerah Temburong

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 21 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang

BANTU PELAJAR BUAT PERSEDIAAN SEBELUM KE AS



KEDUTAAN Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD), melalui perkhidmatan nasihat EducationUS mengadakan orientasi pra-perlepasan untuk semua pelajar AS.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 18 Mei. - Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD), melalui perkhidmatan nasihat EducationUSA, baru-baru ini mengadakan orientasi pra-



perlepasan untuk semua pelajar AS yang diadakan di Hotel Mulia.

Orientasi tersebut bertujuan untuk membantu para pelajar dalam membuat persediaan untuk berpindah dari NBD ke AS selepas diterima di universiti atau kolej di AS.

Para pelajar yang terlibat berserta ibu bapa mereka mempunyai peluang untuk bertemu dengan alumni universiti AS yang menawarkan tip untuk menavigasi persekitaran akademik, sosial dan budaya AS.

Seksyen Konsular Kedutaan juga telah memberikan taklimat kepada para peserta mengenai permohonan visa pelajar dan menawarkan maklumat terkini mengenai prosedur perjalanan dan ketibaan di AS.

Pegawai Diplomasi Awam, Hannah Doyle dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada para pelajar atas penerimaan mereka ke universiti dan kolej di AS.

Katanya, belajar di AS membuka kunci peluang yang luar biasa dan para pelajar akan belajar daripada profesor bertaraf dunia di universiti

terkemuka.

"Para pelajar dapat memiliki pelbagai program yang belum pernah diperkenalkan sebelumnya, dan akan mengalami budaya yang pelbagai serta meluaskan pandangan dunia mereka serta membuat ketetapan untuk berjaya dalam kerjaya masa depan mereka," tambahnya.

Para peserta akan meneruskan pengajian tinggi di pelbagai institusi di seluruh AS termasuk Princeton University, New York University, University of California Los Angeles, George Washington University, Texas A&M University, Austin Community College, dan lain-lain.

Para pelajar ini akan meneruskan pelbagai kajian, termasuk kejuruteraan, perniagaan, kewangan, ekonomi, komunikasi, reka bentuk, dan perfileman.

Pada tahun akademik 2022/2023, seramai 41 pelajar telah mendaftar di universiti dan institusi pengajian di AS bagi mengikuti program sarjana muda.

Enam pelajar telah mengambil latihan pilihan praktikal (*optional practical training* - OPT) yang merupakan pekerjaan sementara untuk pelajar antarabangsa dalam bidang berkaitan dengan pembelajaran mereka.

EducationUSA adalah rangkaian U.S. Department of State, bersama lebih daripada 430 pusat pelajar antarabangsa di lebih daripada 175 negara dan wilayah.

Rangkaian tersebut menggalakkan pendidikan tinggi AS kepada pelajar di seluruh dunia dengan menawarkan maklumat yang tepat, komprehensif, dan terkini mengenai peluang untuk belajar di institusi pasca menengah yang diiktiraf di negara berkenaan.

Untuk maklumat lanjut mengenai belajar di AS, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang educationusa.state.gov.



SEBAHAGIAN pelajar yang menghadiri orientasi pra-perlepasan yang diadakan di Hotel Mulia (atas dan bawah kiri).



Tip Pendidikan






Enam tip agar mudah faham dalam pelajaran

- FAHAM**, jangan hanya menghafal. Usahakan untuk benar-benar memahami apa yang dipelajari, bukan sekadar menghafalkannya. Memahami konsep sesuatu pelajaran lebih mudah diingati.
- CATAT** dengan tangan. Menulis catatan dengan tangan dapat membantu meningkatkan pemahaman dan daya ingatan dibandingkan hanya mengetik.
- TEKNIK** mengulang berkala. Gunakan teknik pengulangan berjarak (*spaced repetition*) untuk mengulang semula apa yang dipelajari secara berkala. Ini boleh membantu awda memperkuat ingatan jangka panjang.
- AKTIF** dalam perbincangan. Perbincangan dan menjelaskan kembali apa yang dipelajari bersama teman sekolah dapat memperdalam pemahaman dan memperkuat ingatan.
- BUAT** latihan. Soalan-soalan daripada latihan boleh menentukan sama ada kita faham atau tidak. Lebih banyak kita faham, lebih banyak kita akan INGAT. Apabila terjumpa soalan yang tidak dapat dijawab atau kita tidak faham, tuliskan di atas kertas untuk ditanyakan kepada guru kita.
- GUNA** alat bantu. Gunakan alat seperti diagram, grafik atau *table* dalam merangkum dan memvisualisasikan informasi.

سوندھی

عبدة حاج: ساتو ۋەئوربانى

دو کان دان رینځن په اکن دهادفي، موغکين اد په مغهادفي کټاپهين دان
کسولیتین کران تیدق پیاسا دغۇن کاداغان برسیق-مسق اتاو براس کورغ
سلیسا گران ککورغۇن کمودەن اتاو تر قىسا براھافن دغۇن کارىيە ۲ او رۇخ
دسىكلىلېغ په موغکين تیدق مېنځکىن دان سپاکىن،
مك دالم حال اين، پېتىغ پع فالىغ فېتىغ اپاله صفة ضىر دان سنتياس
برىشكور، جاغۇن مودە مغلۇه اتاوقۇن مروغۇت، بايتكىلە بىر ضىر دان برىشكور
کران هان دغۇن برصفة دمىكىن فارا باكل جماعە حج سکالىن اکن دافت
مغهادفي اف جوا مسئله، رینځن دان چوباءن پع تېمبول دغۇن تېغ دان قىۋە
كىصىرىن. اغتكەلە اي سپاکى ساتىر اوچىن دان دوکان پع قىلو دهادفي جىڭ
ماھو مىدافت كىخارن حج پع مېرور سپاکىمان پع نله دەجىجىكلى او ليه الله
ئىشىخەلە وەقلە.

کتب فارا باکل جماعت حج وقف دعوه نتی، فریا یقنهله بردعاه دان
براستغفار دعن قته خشوع دان تواضع، مرنده دیری کحضره الله سبحانه و تعالی
دعن قته کاخلاصن دان کمنصفن، بایک اوتفوق دیری سندیری، کدوا ایو
باش، قوم کلوارک دان سلوروه اومت! اسلام دعن هارقن سوک دعاه ۲ بع
دفوونکن اکن درینما دان دمقولکن.

کیت تاھو بونکن سهوا اورغ برفلواغ اونتوق منوایکن عباده حج، افاته لانگی عباده ترسیبوت مېرلوبن کن بايچ قربانچاعن دان فتوپوریان. اوبله ایت، سودارا ۲۱ کیت یېغ برفلواغ دان دافت مفرجاکن حج فد تاھون این ساغليله براؤتوضع، ملک کرجاکنه اي دعنه برسوغکوھه-سوغکوھه، جاغعن دسپا-سپاکن کسمقعن یېغ دفراؤلهېي ایت، دان باکې یېغ بلوم برفلواغ اونتوق منوپنکن حج فد تاھون این دسپیکن تېدق لولوس اوچین ڪصيختن اتاو بلوم منحوکوھي شرط ڪسمقون، ددعاء کن موده-مودهن اکن ترجاھي دماس اکن دانغ.

أخيرن، ماريله کيت سام ۲ منجتکن دعاء، اکر باکل جماعه حج نکارا
برونی دارالسلام خاصن دان جماعه حج سلوروه دنيا عامن اکن دافت
ملقماناکن عباده ترسیمات دغئن همفور ناء سلیسا دان سنتیاس دیواه لیندوعن
دان رحمة الله شیعاتله و تعالیٰ سرتا منداافت حج بع میرور. آمين يا زرب العالمين.

تفسیر: دان سروله مانسی او تفرق مفرجا کن عباده حج نسجای مریلک اکن داتع
 کفلمو (رومہ تو هن مو) دعن بر جالان کاکی دان دعن منوغه کع بر جنیس-
 جنیس او تنا بع کوروس (دسبیکن لاما فرجالن) بع داتع دری سکنیش
 فتحورو بع جاوه. سوقای مریلک مپسیکن بر باتی- باکی منفعه باکی مریلک
 دان مپیوت نام الله قد هاری ۲ بع ترنتو اتس رزقی بع دکورنیا کن کهد مریلک
 درقد بینائی ترنا کن (او تفرق دجادیکن قربان) مک ماکله سیها کن درقدن دان
 به پاکله (سیها کن بع لاین) او تفرق دماکن، اوله اور غرسه لاق، فقره .

بازك الله لنا في القرآن العظيم، وتفعّلنا بالأيات والذكر الحكيم. وتقبل منا
بلا ريبة إله هو أسمى العليم، وأستغفر الله العظيم لي ولكلم ولسائر المسلمين
والMuslimات المؤمنين والمؤمنات فاستغفروه فيما فوز المستغفرين وبنجاهة
الثانية.

سیاپ بیغ مفرجاکن حج کبیت الله دان تیدق ملاکوکن فرکار ۲۱
 کعی دان تیدق بریوات فاسق، ملک دی سوچی درقد دوسا ۲۴ ساؤله-اوله
 کبالي قد هاري دي دلاهير کن اوشه ليبون. {حدیث روایة امام خازی}
 حدیث ترمیوت تله جلس میاتاکن بناف الله سبحانه و تعالیٰ تله منجحیجکن
 گخوارن بیغ ساخت یئعکی نیالین، میاتاکه بیغ تیدق ماھو دیرین سوچی دری
 و سا؟ سوده تنتو سیاپ اورغ ماھو دیرین بررسیه دان سوچی دری سکلا
 بـ سا.

اولیہ ایت، جاٹ کیت ماهو مختراوی پھی کنجاران ترسیوت، ملک کیت
مندقله مفرجاکن عباده حج دعن اخلاص، برسو غوکھو-سوغکھو دان برہاتی-
ہاتی اکر عباده حج بیع دکر جاکن ایت منداافت حج بیع مبرور، سسنو غوکھو هن
حج بیع مبرور ایت کنجارائیں ایالہ شرک، غشت بیع قتوہ دعن کنمعتن دان
کچھا کیاں۔ درقد ابوبیرہ رضی اللہ عنہ و سلسلہ برسبدا: واللخ
اللّٰهُ لَمْ يَرِدْ لِي سُلْطَانٌ إِلَّا جَاءَهُ.

دان حج یعنی میرور ایت (یعنی دتریغا ایت) تیاد بالسن باکین سلاین شرک.

حدیث روایة امام بخاری

جماعه يع در حمي الله
اقيابلا باكل ۲ جماعه حج سوده بر عزم او نتوق متواباً يکن عباده حج، مك
واجله بر توبه دفن سکرا، بيايت بر ثوبه دري سکلا دوسا دان کجا هن یعن تله
دلارکون دماس ۲ یعن لاو دان هندله بر عزم دفن تیکد بارو او نتوق تیدق
لارکي مغولغئين دماس ۲ یعن اکن دانع.

پکیتو جوک دالم کهپیدوقن سهارین، سکمن ان کیت فرنه مغایلای اورع
لاین اتاو مغایل هر تا اورع، مک هندقله باکل ۲ جماعه حجج مینتا معاف دری
ورع ترسیبوت، جلک اد بارغ بیع تله دامبیل هندقله دکمبالیکن سولوا کقد
تووان اتاو قوفون مینتا دحاللکن سیلوم باکل ۲ جماعه حج براغکت اوتنوق
منوناکن عباده حج کتاهه سوجی مکه.

سیاکمان بیغ دملوموي، باکل جماعه حجج دنکارا این تله قون مغیکوئي
گورسوس ۲ عباده حجج دغۇن مغلاجىرى سكلا روکون ۲ حجج، واحد ۲ حجج،
ستە ۲ حجج دان سكلا ادپ سرت ئې کارا ۲۱ بېغ بولىيە مېظلەن عبادە حجج.
مودە-مودەن دغۇن علمو بیغ تله دفلالجىرى اکن داۋىت دلقساتانلىك دغۇن
سیاپاک-باپاک دان تىدق تارابىكوت-ايکوت اتاو مېزىرو-نېرو اف اور غ لاین

لاکوکن، تقا برفلونکن علمو بیغ دفالجری. فارا باکل جماعه حج جوک فرلو
مسیکن کصیختن ماسیعه ۲ دعن متعملکن جارا هیلوق صیحت، برسنم،
منجاحک قماکن، رمحت بیغ جوکوف، میگرکوت ارهن اتاو نصیحت دوکور
فرراوین دان لاین ۲. این کران کصیختن ایت ساخت فتنیع باکنی مسیکن
باکل ۲ جماعه حج دافت ملقساناکن فکرجاءن ۲ حج دافت دلقساناکن دعن
همفورنا، افاته لاکنی، فکرجاءن ۲ عباده حج ترسیوت سپهائکن بسمن ممرلوکن
تناک بیغ بوکن سدیکت.

جماعه يع در حجیه الله، عباده حجج ایت اداله سواتو فیرهن مطلق کحضره الله شیخالدین علی. میره يع
مقصود کن دسین ایاله بر توکل اتاو منیرغا سقنوهنه کتتفن دان کتتوان الله.
ولیه يع دمکن، فارا جماعه حجج افایپلا برا دناته سوچی نتی، سیمیعن بایق

جماعه بعث در حجتی الله،
بر تقوی له کیت کحضره الله سبحة الله و تعالی دعن منیغکنکن کلایانن کقدن.
سیعکوکهون اورع بع فالیع ملیا دسپیسی الله سبحة الله و تعالی ایت ایاله اورع بع فالیع
بر تقوی. موده-مودهن کیت مجادی انسان بع مستیاس مغایغی الله
سبحة الله و تعالی، بر او له کچجان دان کسلامعن ددنیا دان جوک دأخجه.

مسکاراغ کیت سوده ٿون براد دبولن ذوالقعده، دمان ڦد کلازینن ڦد
بولن اینله باکل ۲ جماعه حج تکارا کیت اکن مولا براغت منبعکلکن تانه اپر
منجو ڪئانه سوچی مکة المکرمة مغلوخوخي بيت الله اوئنق منوناپکن عباده

مسوّع کوئن عباده حج مروفاکن ساله ساتو درقد روکون إسلام. اي
دواچکن کائس اومت إسلام بیع برکمفووان دان ممنوهي شرط ۲ اوتنوق
معرجاکن، الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى برفمان دالم سوره آل عمران آية ۹۷:

دان الله مواجهکن کاپس مانسی مفرجاکن عباده حج کیت الله یا بیت
باکی سسیاف بیغ مفتو دان برکو اس سعی کفند. دان سسیاف بیغ مغایبکری
(کوایچین عباده حج) ملک سوسو غکو هن الله مها کای در قدسکالین عالم.

دالٰم القرآن تله، دیتاکن بھاوا اومت إسلام يع اکن منوئاپکن عباده
حج ایت هندقله بر کوس اتاو بر کسمقوان. اف يع دمقصودکن دغۇن بر کوس
اتاو بر کسمقوان ایت ایاله باكل جامعه حج هندقلهڭ غۇرباھىي كواشىن يع
منحو كوفى، مىستىكىن توبوه بادۇن صىخت دان فرجالىن فرگىي بالىق كېتىك
مغىچاکىن عبادە حج دالٰم كاداون سلامت.

بر کم‌میزان بونکن ستاکت برآرئی مغشیاهی فریلانچاءن بع جو کوف
 او نتوق دیرین سهاس منو نایکن فرض حج سهاج بهنکن جوک هنالقه
 بر کم‌میزان او نتوق پیدایکن نفقه دان فریلانچاءن بع جو کوف او نتوق سارا
 هیدوف باکی اورع ۲ دباوه تغییر غشن بع دتیغکلکن. ایلهه ارتی فغوریانن بع
 هاروس دهدادی اولیه قارا جماعه بع هندق منو نایکن عباده حج، مریک بونکن
 سهاج فرلو مبلنجاکن واغ بع باق، ماهن جوک توروت بر قربان ماس دان تناک
 سرتا فراسانه کران مینیغکلکن کلوارک تراو نام اتف ۲ بع ماسیه کجیل سماتا-
 مات او نتوق مپاهوت سروان دان فریتهه الله بسیحانه و تعالیٰ.
 جماعه بشد، جمهه الله

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى مواجهکن سسواتو عباده ایت کقد همبا ۵۲۷ مسنتون
مقویاًی حکمه دان گنجاردن. بکنیتوه جوک عباده حج. انتارا حکمه عباده
حج ایت، انتارا: بر سواتو هلوان دالم ملیعکیکن شعار إسلام، بر کاندیعی باهو
منکفکن اکام الله، منحالین هویوغن بیزرت سسما مشارکت إسلام دان میبینا
سماعت اخوه دان کاسیبه سایه.

مك الله برأوتوغۇن مېرىك يېغ دافت ملقساناكىن عبادە ترسىپوت
خصوصىن كەند سودار ۲۱ كېت يېغ اكىن مغۇجاكىن عبادە حج قىد تاھون اين.
درقد أبو هريرة رضي الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسيداً: مَنْ حَجَّ هَذَا
الْبَيْتَ، فَلَمْ يَرْفُثْ، وَمَنْ يَقْسُطْ خَرَجَ مِنْ ذُنُوبِهِ كَبُومْ وَلَدْنَهُ أَمْدٌ.
مقصودون:

2 SYARIKAT, 3 INDIVIDU DIDENDA

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bandar

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 18 Mei. - Pegawai-pegawai Bahagian Pengawalan dan Penguatkuasaan Bandar, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan baru-baru ini telah melaksanakan Operasi Bersih di beberapa buah tempat.

Hasil daripada operasi berkenaan telah mencatatkan sebanyak dua syarikat dan seramai tiga individu telah dikenakan kompaun dan keseluruhan berjumlah BND2,000 kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12(1) Akta

Kesalahan-kesalahan Rampaian Pindaan 2021 iaitu membuang sampah di tempat awam dan laluan awam.

Syarikat De Green Sylhet Restaurant & Catering dikenakan kompaun di bawah Bab 12 (1) (c) manakala Syarikat Ban Lee Hua Company Sdn. Bhd. dikenakan kompaun di bawah Bab12 (1) (e). Sementara itu, Yunos bin Haji Idris dan Pingkan Aprillianing Tyas didenda di bawah Bab12 (1)(a) dan Azizul Mridha didenda di bawah Bab 12(1)e).



HASIL daripada Operasi Bersih di beberapa buah tempat (kanan dan bawah).



Menurut pindaan di bawah Perintah Kesalahan-kesalahan Rampaian Pindaan 2021, kadar kompaun bagi mana-mana individu atau badan korporat yang dikeluarkan kompaun bagi kesalahan di bawah Bab 12 atau mana-mana kesalahan adalah seperti berikut iaitu bagi individu boleh dikenakan denda kompaun tidak melebihi BND1,000 dan bagi badan-badan korporat boleh dikenakan denda kompaun tidak melebihi BND2,000.

Manakala bagi kesalahan-kesalahan individu dan badan-badan korporat yang gagal menjelaskan kompaun dan diambil tindakan melalui mahkamah seperti berikut iaitu mana-mana individu yang melakukan kesalahan di bawah bab ini jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND1,000 dan tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama.

Bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan denda tidak kurang BND3,000 dan tidak melebihi BND9,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak

melebihi enam bulan atau keduanya sekali.

Manakala badan-badan korporat yang melakukan kesalahan pertama di bawah bab ini boleh dikenakan denda tidak kurang daripada BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000 dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang daripada BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau keduanya sekali.

Dalam kes-kes berkenaan, individu-individu dan syarikat-syarikat berkenaan adalah dikehendaki menjelaskan kompaun masing-masing ke Bahagian Kewangan, Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri

Begawan, Jalan Perdana Menteri dalam tempoh masa tujuh hari.

Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan mengingatkan mana-mana individu dan pemilik / penyewa bangunan untuk sama-sama menjaga aspek keindahan, kebersihan, keselamatan dan kesejahteraan Bandar Seri Begawan.

Dalam masa yang sama, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan mengalu-alukan orang ramai untuk mengongsikan sebarang aduan dan perkongsian maklumat ke Nombor Talian E-Darussalam : 123; e-mel : Info@123.gov.bn atau laman sesawang : www.123.gov.bn atau WhatsApp : +673 8333123 atau Hotline Bahagian Pengawalan dan Penguatkuasaan Bandar : +673 7291122.

Syarikat gagal bayar caruman pekerja didenda

■ Siaran Akhbar : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN,
Ahad, 19 Mei. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah membuat pendakwaan ke atas Syarikat Zentech Sdn. Bhd. atas kesalahan gagal membayar caruman pekerja di bawah Bab 23 Akta Amanah Pekerja (Penggal 167) dan Bab 26 Perintah Amanah Pencen

Caruman Tambahan, 2009.

Pengarah syarikat sebagai wakil dari Syarikat Zentech Sdn. Bhd. telah mengaku bersalah ke atas pertuduhan, iaitu gagal membuat pembayaran caruman Skim TAP dan Skim SCP bagi para pekerja dalam masa yang ditetapkan.

Dalam hubungan ini, Mahkamah Majistret Kuala Belait telah menjatuhkan hukuman denda ke atas syarikat tersebut sebanyak BND2,000 dan diarahkan untuk membayar denda dan kesemua caruman Skim TAP dan Skim SCP yang tertunggak termasuk dividen terakru sebanyak BND1,392.33 tidak lewat dari 15 Jun 2024.

Di bawah Bab 26 Akta Amanah Pekerja (Penggal 167) dan Bab 29 Perintah Amanah Pencen Caruman Tambahan, 2009, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda tidak melebihi BND3,000 bagi kesalahan pertama dan denda tidak melebihi BND10,000 bagi kesalahan kedua dan selanjutnya.

Dalam hal ini, bagi memastikan kesejahteraan ahli TAP sentiasa terpelihara, TAP ingin mengingatkan para majikan untuk sentiasa memastikan mereka membuat pembayaran caruman pekerja sebelum 15 hari bulan pada bulan berikutnya bagi mengelakkan denda lewat pembayaran yang termasuk caj kerugian dividen dan caj perkhidmatan.

Bagi isu-isu yang berkaitan dengan hal ehwal penguatkuasaan seperti tidak daftar dan tiada pembayaran caruman, para pekerja adalah dinasihatkan untuk membuat aduan dan mengongsikan maklumat melalui Hotline Unit Penguatkuasaan TAP di talian +673 730 2929 ataupun melalui e-mel di alamat enforcement@tap.com.bn.

Para pekerja juga boleh mengunjungi mana-mana cawangan TAP yang berdekatan, atau menghubungi Pusat Panggilan TAP di talian +673 272 2929 semasa waktu bekerja.

Aduan juga boleh dibuat bagi ahli yang telah berdaftar ke perkhidmatan online TAP (e-Amanah) ataupun melalui laman sesawang TAP di www.tap.com.bn.

Bantu kesan Siti Saleha

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 18 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang berstatus isteri yang dilaporkan keluar dari rumah, Dayang Siti Saleha binti Harun, 33 tahun, warganegara Brunei, pemegang kad pengenalan 01-046483 (K).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Berakas menerusi talian +673 2330410 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis yang berdekatan.



DAYANG Siti Saleha binti Harun, 33 tahun.

Seorang lelaki Bangladesh dikehendaki bantu siasatan

BANDAR SERI BEGAWAN,
Sabtu, 18 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada orang ramai untuk mengesan seorang lelaki warga Bangladesh iaitu Md. Shakil Hossain, dengan nombor pasport BP0107701 yang dikehendaki bagi membantu siasatan Unit Siasatan Jenayah.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 241 / 333 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis yang berdekatan.



MD. Shakil Hossain dengan nombor pasport BP0107701.

Sentiasa Mengelakkan Jarak Selamat

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt No mobile phones while driving Speeding is dangerous Do not drive under influence Wear helmet and proper attire while riding Always watch out for other road users Always check tyres

#YOUandME

www.mkkjr.gov.bn

IMBASAN MINGGUAN



SEKITAR Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Kawasan 2, Kampung Sungai Akar yang diadakan di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar. - Foto : Aimi Sani



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) ketika menyertai aktiviti kerja berpasukan secara berkumpulan dari Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB). - Foto : Alishahrin Haji Mumin



AKSI pasukan bola sepak Sekolah Sukan ketika menentang pasukan bola sepak AKSE Bersatu pada Kejohanan Cabaran Liga Bola Sepak Belia Sekolah Sukan (Sports School Youth Football League Challenge) HiTune yang berlangsung di Padang 'A', Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD). - Foto : Alishahrin Haji Mumin



SEKOLAH Menengah Awang Semaun (SMAS) ketika mengadakan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia 2024 di perpustakaan sekolah berkenaan dan kelihatan pelajar-pelajar mendekati buku-buku yang dipamerkan. - Foto : Azmah Haji Ahad



PASUKAN bola sepak Brunei Legends ketika perlawanan Battle of The Legends di mana Brunei Legends menentang pasukan bola sepak Malaysia Legends yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



AKTIVITI Kempen Kebersihan di sebahagian jalan raya dan kawasan kampung di Mukim Lumapas dan Mukim Sungai Kebun dan berjaya mengutip lebih 800 kilogram sampah sarap. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid





Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Ihsan Noralipah Mohd. Shahlan



Songkok berkualiti jadi pilihan

SONGKOK merupakan salah satu pakaian kebangsaan yang lazim dipakai oleh kaum lelaki di negara ini. Ia sinonim sebagai pelengkap bagi pakaian Cara Melayu. Namun ia tidak terhad semasa memakai Cara Melayu sahaja malah ia turut dijadikan sebagai pelengkap pakaian seragam sekolah, pakaian ketika bekerja dan sebagainya. Ia digunakan setiap peringkat sama ada golongan kanak-kanak mahupun dewasa.

Penggunaan songkok dalam masyarakat Melayu dikatakan bermula pada Abad Ke-13 iaitu sebaik sahaja Islam mula masuk ke tanah Melayu. Kebanyakan songkok dihasilkan berwarna hitam.

Walau bagaimanapun, ketika ini sudah terdapat pelbagai warna seperti hijau tua, biru tua berserta corak dan hiasan. Ia adalah bagi memenuhi permintaan dan cita rasa penempahnya. Manakala harga pula bergantung pada saiz, bahan yang digunakan, corak dan juga hiasannya. Kebanyakan orang memiliki sekurang-kurangnya dua songkok dengan berlainan jenis untuk disesuaikan

dengan pakaian mereka.

Banyak pilihan songkok *ready-made* yang dapat diperoleh di kedai-kedai sama ada buatan tempatan mahupun luar negara. Namun bagi mereka yang inginkan kelainan, ada yang menempah songkok secara *custom-made* kerana mahukan keselesaan. Bagi mereka yang ingin membuat secara *custom-made*, lilitan kepala akan diukur pada bahagian atas kening bagi mendapatkan saiz yang tepat.

Tidak ramai yang bergiat dalam menjahit songkok kerana proses pembuatannya memerlukan tahap kesabaran yang tinggi, ketelitian dalam menjahitnya juga memerlukan kemahiran tertentu.

Industri Kotej kali ini mendekati Dayang Noralipah binti Mohd. Shahlan, 34 tahun. Beliau sudah 11 tahun berniaga dari rumah, giat membuat songkok pelbagai corak.

Sebelum bergiat membuat songkok, beliau merupakan pelajar di Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Seria di mana pada hari ini dikenali sebagai IBTE Kampus Sultan Bolkiah, Seria dan mengikuti Kursus Dressmaking

and Tailoring. Setelah itu, beliau mengambil Kursus Anyaman dan Songkok di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.

Sepanjang beliau bergiat aktif membuat songkok, terdapat tiga jenis songkok yang laris mendapat tempahan iaitu Songkok Kain Bertaris, Songkok Tenunan, Songkok Beludu Rayon. Harga-harga yang dikenakan kira-kira BND25 ke BND87 mengikut jenis dan keperluan membuat *detail* pada songkok-songkok berkenaan. Jenis dan fesyen songkok diperoleh dari idea sendiri dan juga hasil kursus di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.

Ada juga pelanggan yang meminta untuk dibuatkan nama pada sebelah dalam songkok mereka. Ini setentunya berguna bagi mereka yang mempunyai anak ramai, selain mudah untuk mengenal pasti sekiranya tertinggal di sekolah.

Lazimnya beliau mengambil masa satu hingga ke dua minggu untuk menyiapkan tempahan pelanggan, memandangkan beliau tidak mempunyai pekerja yang

membantu.

Ditanya mengenai tempat mendapatkan bahan untuk membuat songkok, kebanyakannya ia diperoleh di kedai-kedai yang menjual peralatan menjahit di negara ini. Selain membuat songkok baharu, beliau juga boleh membaiki songkok jika dikehendaki pelanggan.

Beliau bersyukur dengan ilmu dan kemahiran yang dipelajari dari Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei dan Sekolah Vokasional Sultan Bolkiah, Seria telah memberikan rezeki buat diri dan keluarganya.

Memandangkan inilah satu-satunya perniagaan yang beliau ada, maka beliau sentiasa menjaga kualiti di mana songkok dijahit dengan teliti dan kemas agar hasilnya memuaskan hati pelanggan dan ini menjadikan perniagaannya bertahan sehingga 11 tahun. Bagi mereka yang ingin melihat hasil kerja tangan beliau, bolehlah melayari Instagram @songkokmadr_enterprise, selain boleh dihubungi melalui WhatsApp +673 8352883.



Berpegang teguh dengan Al-Quran

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan

KITAB suci Al-Quran adalah kitab Allah yang bukan sahaja dituntut untuk dibaca, bahkan untuk dijadikan rujukan, panduan dan pedoman bagi semua perkara dalam kehidupan umat Islam sehari-hari.

Di Negara Brunei Darussalam, membaca Al-Quran sudah menjadi amalan harian dalam kalangan masyarakat Islam sama ada secara persendirian atau berkumpulan, sesuai dengan konsep Negara Zikir. Oleh itu negara komited mengangkat martabat Al-Quran dalam kalangan penduduknya melalui pelbagai cara, antaranya dengan mengadakan musabaqah membaca Al-Quran bagi melahirkan generasi yang cintakan Al-Quran.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku payung negara sememangnya menyarankan agar penduduk di negara ini menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup sebagaimana titah baginda pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi yang lalu :

"Al-Quran tidak diragukan lagi adalah kitab suci dan istimewa. Di dalamnya terdapat panduan yang lengkap lagi sempurna. Al-Quran mengandungi jawapan kepada segala persoalan hidup, baik yang berkaitan dengan hubungan antara manusia mahupun dengan Allah Ta'ala. Beta yakin jika, semua orang tunduk dan berpegang teguh kepada Al-Quran, nescaya dunia ini akan aman sejahtera."

Kerana itu Brunei Darussalam mesti komited dengan Al-Quran, memperkuuh-

pembacaan Al-Quran. Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan mesti menguatkan pengajaran dan pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah menengah kerajaan dan swasta, sentiasa memantau perkembangan pembelajaran Al-Quran di sekolah-sekolah rendah hingga ke peringkat tinggi," titah baginda.

Musabaqah Membaca Al-Quran

Seperti tahun-tahun sebelumnya, Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1445H / 2024M akan diadakan selama tiga hari berturut-turut bermula esok, iaitu pada Selasa malam Rabu, Rabu malam Khamis dan Khamis malam Jumaat, 13, 14, dan 15 Zulkaedah 1445H bersamaan 21, 22 dan 23 Mei 2024M bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Musabaqah yang bertemakan 'Al-Quran Pedomanku' itu akan disiarkan secara langsung melalui RTBGo, RTB Perdana, RTB Sukmaindra, RTB Aneka, rangkaian Radio Nur Islam, NasionalFM dan PilihanFM.

Pada musabaqah ini, seramai enam peserta qari akan memperdengarkan bacaan mereka, terdiri dari Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki; Awang Haji Mohammad bin Ali; Haji Awang Muhd. Fikri bin Haji Awang Metussin; Awang Haji Nasrul Fakhrin bin Haji Yahya; Awang Haji Hazwan bin Haji Salim dan Awangku Adi Nazri bin Pengiran Haji Jofri.

Manakala enam peserta qariah pula adalah Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri; Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki; Dr. Hajah Siti Wardah binti Mejari (B) Haji Abdul Rahman; Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat; Dayang Najla Sabreena binti Haji Abd. Rajid dan Dayang

Nur Amal Atiqah @ Aida binti Haji Sudiman.

Tema musabaqah

Membaca Al-Quran adalah semulia-mulia ibadah. Kitab Allah itu akan datang pada Hari Kiamat sebagai syafaat kepada orang-orang yang membacanya. Sememangnya kitab suci itu sebaik-baik panduan untuk dijadikan asas (pegangan) bagi kehidupan umat manusia.

Dengan itu tema musabaqah tahun ini, 'Al-Quran Pedomanku' merujuk kepada panduan hidup yang diambil dari ajaran Al-Quran yang merupakan kalamullah sebagai petunjuk-Nya dan sumber pertama yang menjadi tempat rujukan dan panduan yang selengkapnya bagi seluruh umat manusia, membawa kepada kebenaran, keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Oleh sebab itu, Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan umat Islam agar sentiasa berpegang teguh dengan Al-Quran sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Isra', ayat 9 yang bermaksud :

"Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk (ke jalan) yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan salih bahawa sesungguhnya bagi mereka pahala yang besar".

Umat yang maju dan cemerlang adalah umat yang sentiasa mempunyai pedoman hidup. Maka, salah satu sumber ke arah pedoman hidup yang membawa kepada kecemerlangan adalah Al-Quran. Isi kandungan Al-Quran adalah lengkap, memberikan peringatan dan pengajaran, merupakan salah satu sumber ilmu yang terpenting ke arah pembentukan umat Islam yang terdidik lagi cemerlang.

Umat Islam perlu menyedari iaitu dalam mengakui akan hakikat keagungan kitab suci

Al-Quran, ia bukan sahaja tempat atau sumber rujukan, malah ia ibarat peta yang lengkap lagi selamat sebagai sumber inspirasi dan dijadikan pedoman yang utama dalam merealisasikan kehidupan sehari-hari ke arah yang lebih sempurna lagi cemerlang. Ini kerana Al-Quran merangkumi segala aspek kehidupan yang dapat menjamin kebahagiaan dan keselamatan hidup manusia yang tidak dapat dipertikaikan lagi.

Dengan berpedoman Al-Quran seseorang akan dapat membersihkan hati dan jiwanya dan membawanya kepada melakukan perkara-perkara yang makruf dan menjauhkannya daripada melakukan perkara-perkara yang mungkar, kasih sayang akan sentiasa terjalin, tidak berpecah belah, jauh daripada persengketaan dan permusuhan.

Al-Quran akan dapat memberikan syafaat, menjadi penawar dan ubat bagi dirinya sama ada pada rohani dan jasmaninya, dapat mendidik dan membentuk syaksiah, peribadi dan akhlaknya ke arah jalan yang sempurna dan terpelihara, akan sentiasa memandu akalnya untuk berfikir dalam membuat perbandingan di antara yang baik dan buruk serta perkara yang bermanfaat dan yang mendatangkan mudarat.

Musabaqah tahun ini dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd, dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Semoga penyertaan para peserta musabaqah ini akan menarik minat lebih ramai lagi umat Islam di negara ini untuk menjadikan ayat-ayat suci Al-Quran sebagai amalan bacaan harian dan menjadikan kalamullah sebagai pedoman hidup ke arah mendapatkan rahmat dan reda Allah Subhanahu Wata'ala jua.



PAVILION MALAYSIA DI KAZANFORUM TARIK 200 SESI PADANAN PERNIAGAAN DALAM TIGA HARI

KAZAN (Tatarstan, Rusia), 18 Mei. - Forum Ekonomi Rusia-Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) ke-15 (KazanForum 2024) di sini berjaya merekodkan lebih 200 sesi padanan perniagaan (business matching) sepanjang tiga hari beroperasi, kata pengurus Pavilion Malaysia di forum berkenaan Muna Tasu.

Beliau yang juga Setiausaha Pertama (Pertanian) Pejabat

Perwakilan Pertanian di Kedutaan Malaysia di The Hague, Belanda ketika ditemui Bernama di Pavilion Malaysia pada Jumaat berkata produk keluaran usahawan Malaysia yang banyak mendapat perhatian ialah Salt Cola, snek nanas, jus nanas dan pelbagai sambal. "Produk-produk ini menarik minat delegasi dari Pakistan, Azarbejian, Rusia, Kyrgyzstan," katanya.

Menurut Muna, sebanyak 11 pempamer Malaysia menyertai Pavillion Malaysia pada

KazanForum kali ini dengan lapan pempamer di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Katanya Pavilion Malaysia di KazanForum kali ini menawarkan pelbagai informasi berkaitan industri halal, pendidikan di Malaysia dan produk-produk halal yang dibawakan oleh para usahawan untuk tujuan promosi.

Muna berkata KPKM berperanan sebagai penyelaras penyertaan Malaysia dalam KazanForum kali ini. Agensi lain yang terlibat dalam

Pavilion Malaysia ialah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Education Malaysia Global Services sebuah agensi di bawah Kementerian Pengajian Tinggi.

Pavilion Malaysia di KazanForum dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Khairul Firdaus Akhbar Khan. Turut hadir semasa majlis perasmian ialah Duta Malaysia ke Rusia Datuk Loon-Lai Cheong. KazanForum 2024 berlangsung dari 14 hingga 19 Mei.

Ia menawarkan platform untuk



pakar ekonomi dan kewangan antarabangsa terkemuka dari dunia Islam untuk mengukuhkan hubungan antara negara-negara OIC dan Rusia dalam bidang ekonomi, pendidikan, sosial dan budaya.

Selain Malaysia, lebih 80 negara mengesahkan penyertaan dalam acara itu tahun ini termasuk Emiriah Arab Bersatu (UAE), Bahrain, Turkiye, Iran, Libya dan anggota OIC yang lain. - ©BERNAMA

Tiada bekalan perubatan diterima di Gaza selama 10 hari

GENEVA, 18 Mei. - Tiada bekalan perubatan diterima di Semenanjung Gaza selama 10 hari ketika Israel meneruskan serangan ganas ke atas wilayah terkepung itu, kata Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Jumaat, lapor Agensi Berita Palestin (WAFA).

Jurucakap WHO, Tarik Jasarevic berkata penutupan lintasan Rafah ke Gaza oleh Israel telah menyebabkan 'situasi yang sukar'. "Bekalan perubatan terakhir yang kami terima di Gaza adalah sebelum 6 Mei," katanya.

Jasarevic berkata kebimbangan terbesar adalah mengenai bekalan bahan api yang diperlukan untuk

memastikan klinik dan hospital terus beroperasi. Kemudahan kesihatan di Gaza memerlukan sehingga 1.8 juta liter bahan api sebulan untuk terus berfungsi.

Menurut jurucakap itu, hanya 159,000 liter bahan api yang telah masuk ke Rafah sejak penutupan sempadan.

"Ini jelas tidak mencukupi," tambahnya, sambil menegaskan hanya 13 daripada 36 hospital di wilayah Palestin kini 'sebahagiannya' beroperasi. "Hospital yang masih berfungsi kini kehabisan bahan api dan ini membahayakan banyak nyawa. Operasi ketenteraan semasa di

Rafah meletakkan banyak nyawa dalam bahaya," kata Jasarevic.

Tentera rejim memulakan pencerobohan ke atas bandar Rafah pada 7 Mei untuk memperluas serangan mereka ke atas wilayah yang dikepung itu, menutup sempadan Rafah ke Mesir yang penting untuk bekalan kemanusiaan.

Dengan agensi-agensi PBB memberi amaran tentang risiko kebuluran yang semakin meningkat di Gaza, penutupan pintu sempadan juga dilakukan di Karm Abu Salem dan Erez yang menghubungkan Gaza dengan Israel. - ©BERNAMA

Banjir di Perak makin pulih, 341 mangsa berlindung di PPS

IPOH, 18 Mei. - Keadaan banjir di Perak semakin pulih tengah hari ini apabila jumlah mangsa menurun kepada 341 daripada 110 keluarga berbanding 537 mangsa melibatkan 152 keluarga, pagi tadi.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Perak dalam kenyataan hari ini memaklumkan 10 pusat pemindahan sementara (PPS) masih beroperasi di tiga daerah terjejas iaitu lima di Taiping, empat di Kuala Kangsar dan satu di

Hilir Perak. Di Taiping, sebanyak 164 mangsa daripada 52 keluarga masih ditempatkan di PPS Dewan Orang Ramai Batu Hampar Trong, Sekolah Kebangsaan (SK) Matang Gelugor, SK Matang, Dewan Orang Ramai Sungai Baru Trong dan SK Temerlok.

Di Kuala Kangsar jumlah mangsa kekal 131 daripada 46 keluarga ditempatkan di PPS SK Periang, SK Temong, Dewan Orang Ramai

Kampung Talang Masjid dan SK Clifford manakala 46 mangsa daripada 12 keluarga masih berlindung di Dewan Serbaguna Padang Tembak di daerah Hilir Perak.

Kenyataan itu juga memaklumkan dua jalan iaitu FT 004 Jalan Timur Barat (Kupang Gerik-Jeli) dan FT 1152 Felda Trolak Selatan, masing-masing dibuka satu lorong akibat kejadian tanah runtuh. - ©BERNAMA

Imigresen gagalkan sindiket penyeludupan manusia di ibu negara

PUTRAJAYA, 18 Mei. - Jabatan Imigresen (JIM) berjaya menumpaskan satu sindiket penyeludupan manusia selepas menahan lapan warga Bangladesh dalam operasi di sebuah premis kediaman di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur, Khamis lepas.

Ketua Pengarahnya Datuk Ruslin Jusoh dalam kenyataan hari ini berkata pasukan operasi telah diatur gerak ke premis itu pada hari berkenaan berdasarkan maklumat yang diterima, dan bertembung dengan sebuah kenderaan Perodua Myvi yang dipandu oleh suspek di lot parkir.

"Suspek memecut setelah menyedari kehadiran pasukan operasi tetapi dia berjaya dipintas. Hasil pemeriksaan pasukan operasi menahan seorang lelaki Bangladesh yang disyaki sebagai 'transporter' berusia lingkungan 33 tahun bersama dua pendatang tanpa izin warga Bangladesh," katanya.

Beliau berkata seterusnya hasil pemeriksaan di kediaman itu pasukan operasi menahan lima pendatang warga Bangladesh yang didapati tidak memiliki sebarang dokumen perjalanan atau pas sah untuk berada dalam negara.

Menurutnya pasukan operasi telah merampas 10 pasport Bangladesh, tiga telefon bimbit, wang tunai sebanyak RM500 dan sebuah kenderaan jenis Perodua Myvi yang dipercayai digunakan untuk membawa pendatang tanpa izin berkenaan.

Ruslin berkata modus operandi sindiket adalah dengan membawa pendatang tanpa izin terutamanya warga Bangladesh yang ingin mencari pekerjaan secara haram di negara ini dengan menaiki pesawat dari Bangladesh ke Vietnam, dan dari Vietnam mereka akan ke Thailand menerusi jalan darat.

"Seterusnya mereka dibawa menaiki bot dari Thailand untuk ke Kelantan dan 'transporter' warga

tempatan pula akan membawa mereka ke premis kediaman di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur dengan menaiki kereta.

"Mereka akan dihantar ke lokasi yang dipilih sendiri setelah selesai membuat bayaran kepada agen warganegara Bangladesh yang berada di Malaysia. Hasil siasatan mendapati sindiket mengenakan bayaran RM13,000 hingga RM21,000 bagi setiap seorang, dan kegiatan ini telah beroperasi selama dua bulan," katanya.

Beliau berkata 'transporter' berkenaan ditahan kerana disyaki telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 26A Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007 manakala yang lain ditahan di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966, Peraturan-peraturan Imigresen 1963 dan Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007. - ©BERNAMA

Korea Utara uji peluru berpandu taktikal dengan teknologi panduan baharu

SEOUL, 18 Mei. - Korea Utara pada Sabtu berkata ia telah melancarkan peluru berpandu balistik taktikal yang dilengkapi dengan sistem navigasi "autonomi" baharu dalam usaha untuk meningkatkan keupayaan senjatanya.

Pemimpin Korea Utara, Kim Jong-un menyelia ujian senjata itu pada Jumaat, lapor Agensi Berita Yonhap, memetik Agensi Berita Pusat Korea (KCNA). Laporan itu tidak mendedahkan butiran lanjut, seperti berapa banyak peluru berpandu yang dilancarkan.

"Ketepatan dan kebolehpercayaan sistem navigasi autonomi telah disahkan melalui ujian pelancaran ini," menurut laporan itu. Tentara Korea Selatan pada Jumaat berkata pihaknya mengesan pelancaran beberapa peluru berpandu balistik jarak dekat dari bandar pantai timur Wonsan oleh Korea Utara.

Peluru berpandu berkenaan terbang sejauh kira-kira 300 kilometer dan jatuh di Laut Timur, menurut Ketua Turus Bersama. Seorang penyelidik kanan di Forum Pertahanan dan Keselamatan Korea, Shin Jong-woo dilaporkan sebagai berkata pelancaran terbaru itu menandakan peningkatan jarak untuk senjata berpandu taktikal Korea Utara yang sebelum ini diketahui mempunyai jarak 100 hingga 110 kilometer.

Memandangkan jarak penerbangan misil sekitar 300 kilometer, Korea Utara mungkin telah menguji peluru berpandu itu dengan mengambil kira kemudahan ketenteraan utama di Korea Selatan.

Jarak langsung antara Pyongyang dan ibu pejabat ketenteraan Gyeryongdae di Korea Selatan dianggarkan sejauh kira-kira 330 kilometer, menurut Yonhap. - ©BERNAMA

California terus berada di kedudukan teratas dalam kadar pengangguran di AS

SACRAMENTO (Amerika Syarikat), 18 Mei. - California terus meneraju Amerika Syarikat (AS) dalam jumlah kehilangan pekerjaan sejak awal tahun ini, lapor Xinhua, memetik laporan Jabatan Pembangunan Pekerjaan California pada Jumaat.

Kadar pengangguran di California, yang mempunyai kira-kira 40 juta penduduk, kekal tidak berubah pada 5.3 peratus pada April untuk tiga bulan berturut-turut, mengekalkan kadar tertinggi di negara itu.

Laporan itu menunjukkan bahawa bilangan penduduk California yang menganggur adalah 1,027,000 pada bulan April - turun sebanyak 5,900 dari bulan sebelumnya dan meningkat 164,700 dari tahun ke tahun.

Ini merupakan kali kedua dalam tempoh lima bulan jumlah penganggur berkurangan. Ia berlaku di tengah-tengah pertumbuhan pekerjaan yang lembap, dengan majikan di seluruh negara menambah hanya 5,200 pekerjaan bukan perladangan pada April, penurunan ketara daripada 18,200 pekerjaan yang ditambah pada Mac.

Menurut laporan itu, landskap pekerjaan di California amat suram di beberapa sektor utama. Sektor pembuatan, maklumat serta perkhidmatan profesional dan perniagaan semuanya mengalami kehilangan pekerjaan dalam bulan lepas, menyumbang kepada pasaran kerja yang kurang mantap.

Sementara itu, lima daripada 11 sektor industri di California mencatatkan penambahan pekerjaan pada bulan April, dengan sektor pendidikan swasta dan perkhidmatan kesihatan mencatatkan peningkatan terbesar bulan ke bulan untuk empat bulan berturut-turut. - ©BERNAMA



ABU DHABI, 19 Mei. - Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada Sabtu telah menghantar pesawat bantuan pertama yang membawa 100 tan makanan, perubatan dan bantuan

UAE SUMBANG BANTUAN PERTAMA 100 TAN MAKANAN, PERUBATAN UNTUK MANGSA BANJIR DI BRAZIL

kemanusiaan untuk membantu mangsa banjir dan hujan lebat yang melanda Brazil baru-baru ini.

Pesawat itu dihantar di bawah arahan Presiden Sheikh Mohamed bin Zayed Al Nahyan.

Menteri Negara bagi Kerjasama

Antarabangsa, Reem Ebrahim Al Hashimy berkata sistem pemantauan UAE yang mantap mengesan pelbagai bencana alam termasuk banjir dan kesannya.

"Apabila bencana ini melanda dan menyebabkan kerosakan, UAE segera memberikan bantuan kemanusiaan segera melalui

program bantuan luar negaranya.

"Bantuan ini membantu rakyat di negara-negara yang terjejas untuk pulih daripada kemusnahan, terutamanya kumpulan yang terdedah seperti wanita, kanak-kanak dan warga emas," katanya.

Menteri tersebut menyatakan bahawa pesawat yang dihantar

itu membawa 100 tan bantuan, perubatan dan makanan, dengan dua lagi pesawat dijadual dihantar dalam tempoh dua hari lagi membawa 200 tan bantuan, menjadikan jumlah bantuan yang akan diberikan sekitar 300 tan selaras dengan usaha bantuan UAE. - ©BERNAMA

Serangan udara Israel bunuh 20 orang, cederakan puluhan awam di tengah Gaza

GAZA, 19 Mei. - Sekurang-kurangnya 20 orang awam terbunuh dan beberapa yang lain cedera pada Sabtu malam dalam serangan udara ganas Israel yang menyasarkan sebuah kompleks kediaman di utara kota pelarian Nuseirat, di tengah Semenanjung Gaza.

Agensi berita Palestin (WAFA) memetik sumber tempatan dan kesihatan melaporkan bahawa pasukan perubatan kecemasan dan kru pertahanan awam telah mengeluarkan sekurang-kurangnya 20 mayat pada masa laporan dari bawah runtuhan rumah yang disasarkan di Nuseirat.

Selain itu, sejumlah besar individu yang cedera, termasuk kanak-kanak, telah diselamatkan daripada serpihan. Operasi mencari dan menyelamat masih diteruskan untuk mengesani mangsa yang masih terperangkap di bawah bangunan yang runtuh, tambahnya.

Serangan udara Israel, yang digambarkan sebagai antara paling dahsyat dalam beberapa minggu kebelakangan ini, telah meningkatkan krisis kemanusiaan di Gaza, yang penduduk awam terus menjadi mangsa serangan genosid Israel.

Serangan berterusan Israel ke atas Gaza sejak 7 Okt tahun lepas telah mengakibatkan 35,386 kematian rakyat Palestin yang direkodkan setakat ini, dengan tambahan 79,366 individu mengalami kecederaan, menurut pihak berkuasa kesihatan tempatan.

Majoriti mangsa adalah wanita dan kanak-kanak. - ©BERNAMA

Eksport mi segera Korea Selatan lepasi US\$100 juta buat julung kali dalam April - Kastam

SEOUL, 19 Mei. - Eksport mi segera Korea Selatan melepas US\$100 juta buat kali pertama pada bulan lepas berikutan kepopularan budaya dan makanan Korea yang semakin meningkat, menurut data yang dikeluarkan pada Ahad.

Eksport mi segera atau "ramyeon" dalam Bahasa Korea mencecah US\$108.6 juta pada April, naik 46.8 peratus dari setahun sebelumnya, meningkat dengan kadar yang pantas sejak Mei 2022, menurut Perkhidmatan Kastam Korea Selatan (KCS).

Ia menandakan buat julung kalinya angka bulanan itu melepas US\$100 juta, lapor agensi berita Korea Selatan (Yonhap).

Eksport ramyeon meningkat secara tetap sejak 2015 dan dijangka mencecah angka tertinggi terbaru pada tahun ini berikutan kepopularan filem, drama dan muzik Korea selain daripada peningkatan permintaan untuk produk makanan yang segera boleh dimakan dengan harga berpatutan di tengah-tengah inflasi yang tinggi.

Pada tahun lepas, eksport ramyeon mencapai rekod tertinggi US\$952 juta, melonjak 24.4 peratus dari 2022.

KCS menjangkakan eksport ramyeon melepas US\$1 bilion tahun ini.

Samyang Foods Co. satu pengeluar mi segera utama Korea Selatan menyaksikan jualannya meningkat 57 peratus kepada 385.7 bilion won (US\$284.5 juta) dalam suku pertama tahun ini.

Syarikat itu juga berkata perolehan dari pasaran luar negara, terutamanya melonjak 85 peratus terima kasih kepada kepopularan mi segera pedas diminati ramai Buldak Ramen dengan perisa "carbonara".

Perolehan luar negara merupakan 75 peratus daripada jumlah jualan Samyang dalam suku pertama, menurut syarikat itu. - ©BERNAMA

Poland belanja US\$2.5 bilion tingkat keselamatan sempadan dengan Rusia, Belarus

ISTANBUL, 19 Mei. - Perdana Menteri Poland, Donald Tusk mengumumkan bahawa negaranya akan melabur US\$2.5 bilion untuk memperkuuh keselamatan di sepanjang sempadannya dengan Rusia dan Belarus, lapor Agensi Anadolu (AA) yang memetik agensi berita negara PAP.

Tusk berkata rancangan untuk projek Shield-East bertujuan untuk memperkuat pos kawalan tentera

dan membina kubu pertahanan di sepanjang sempadan.

"Kami telah memutuskan untuk memperuntukkan PLN 10 bilion untuk meningkatkan keselamatan kami dan, yang paling penting, memastikan sempadan timur yang selamat. Kami sedang melaksanakan projek besar untuk membina sempadan yang diperkuuh, menjadikannya tidak dapat dilalui oleh mana-mana musuh yang berpotensi," katanya.

Pengumuman ini dibuat selepas kerajaan terdahulu membina tembok di sepanjang sempadan Belarus, yang menelan belanja US\$400 juta, untuk membendung kemasukan pendatang haram semasa perang Rusia-Ukraine.

Tusk menuduh Belarus meningkatkan perang hibrid dengan Barat dengan menggalakkan migrasi haram ke Kesatuan Eropah melalui Poland. - ©BERNAMA

Warga emas tunai haji selepas lima kali terima 'jemputan'

MAKKAH, 19 Mei. - Biarpun garis-garis usia jelas terlakar di wajahnya, namun berbekalkan kudrat yang tidak seberapa, warga emas Azizah Awang Dollah tetap bersemangat untuk menunaikan ibadah haji tahun ini, setelah empat kali menolak tawaran.

Bagi Azizah, 73, pesara Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dari Kelantan itu, walaupun tanpa peneman, namun ia tidak menghalang dirinya daripada menjadi Duyufurrahman (tetamu Allah) bagi musim haji 1445H/2024.

"Sebenarnya ini adalah tawaran kali kelima yang mak cik terima. Apabila mendapat panggilan untuk kali kelima, mak cik fikir kena pergi juga sebab Allah dah panggil sebab tu kena beranikan diri juga untuk datang.

"Tawaran kali pertama mak cik terpaksa tolak sebab terjatuh patah (kaki), sehingga perlu dimasukkan

besi, kali kedua dan ketiga disebabkan COVID-19, manakala kali keempat disebabkan bertukar nombor telefon menyebabkan pihak Lembaga Tabung Haji (TH) tidak dapat hubungi mak cik," katanya kepada petugas media ketika ditemui di Hotel Abraj Al Janadriyah di sini.

Biapun terpaksa berkerusi roda semasa mengerjakan tawaf umrah baru-baru ini, Azizah yang mempunyai seorang anak berumur 40 tahun dan dua orang cucu, yakin mampu menunaikan haji dengan baik dan sempurna berbekalkan pengetahuan yang diperoleh daripada kursus haji yang diikutinya setiap tahun ketika menerima tawaran.

Azizah yang pernah bekerja di Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan berkata dia mula menabung di dalam akaun Tabung Haji sejak usia 29 tahun.

"Menabung mula-mula tu RM10 sahaja sebulan dan kemudian naik sedikit RM20, tetapi lama kelamaan bila berduit sedikit baru kita tambah dari semasa ke semasa.

"Sesiapa yang nak menunaikan haji, buatlah potongan gaji setiap bulan, kalau tak susah nak konsisten menabung," katanya yang ditempatkan di Maktab 77.

Berkongsi rahsia kekal sihat bagi diri yang semakin dimamah usia, Azizah yang ada masalah gastrik berkata dia sering menjaga pemakanan termasuk mengelakkan makan berlemak, pedas dan berminyak.

"Mak cik lebih suka lauk sayur air dan masak menggunakan minyak zaitun. Selain itu, mak cik juga amalkan makan habbatus sauda, itu tak boleh ditinggalkan sejak muda," katanya yang turut mengelakkan makan budu dan mengurangkan pengambilan gula. - ©BERNAMA

5,000 unit artifak kebudayaan dipindahkan ke Muzium Negara Afghansitan

KABUL, 19 Mei. - Sebanyak 5,000 unit artifak kebudayaan telah dipindahkan ke Muzium Negara Afghanistan sejak kerajaan sementara Afghanistan mengambil alih kuasa pada Ogos 2021, lapor Xinhua yang memetik kesanggupan Menteri Kebudayaan dan Penerangan, Mullah Khairullah Khairkhwa, pada Sabtu.

"Usaha yang besar telah dilakukan untuk memelihara dan

melindungi warisan bersejarah negara yang dilanda perang ini. Negara-negara di mana artifak bersejarah Afghanistan diseludup, seharusnya menghukum penyeludup dan tidak mengambil kesempatan terhadap artifak bersejarah Afghanistan," kata Khairkhwa seperti yang dipetik oleh agensi berita milik kerajaan, Agensi Berita Bakhtar.

Sebanyak 2,000 unit artifak

kebudayaan telah dibaik pulih dalam tempoh yang sama, kata Khairkhwa, sambil menyatakan bahawa kerajaan telah menghalang penyeludupan 1,500 unit artifak bersejarah ke luar negara. Menurut kementerian, lebih daripada 60,000 artifak kuno dari pelbagai era telah didaftarkan dan dipamerkan di Muzium Negara Afghanistan di Kabul. - ©BERNAMA

BFA MENANG BERGAYA

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Ahad, 19 Mei. - Pasukan Brazilian Football Academy Brunei (BFA) petang tadi membawa pulang tiga mata penuh setelah berjaya membelasah pasukan Arabic School U16 dengan keputusan 3 - 0 pada Kejohanan Cabaran Liga Bola Sepak Remaja HiTune Sports School 2024 yang berlangsung di Padang 'A', Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Berakas, di sini. Perlawan berkenaan

menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan namun tiada sebarang jaringan berjaya dilakukan oleh kedua-dua pasukan pada babak pertama perlawanan.

Namun, masuk babak kedua perlawanan, nasib lebih memihak kepada pasukan BFA apabila gol pertama mereka berjaya dihadiahkan oleh pemain jersi 24, Awangku Mika Hakeem bin Pengiran Idris pada minit ke-53.

Sekalipun permainan terpaksa ditangguh beberapa kali disebabkan berlakunya kecederaan ringan kepada beberapa pemain Arabic School U16, namun pasukan itu terus berusaha keras untuk cuba menjaringkan sebarang gol namun tidak berhasil dilakukan disebabkan serangan bertubi-tubi dan pertahanan kuat yang dibuat pasukan lawan sehingga BFA sekali lagi berjaya menghasilkan gol keduanya menerusi jaringan pemain jersi 3, Tristan Wong Wei Yen pada minit ke-59.

Dibeberapa minit akhir perlawanan, pasukan BFA sekali lagi beraksi cemerlang dengan menyudahi perlawanan melalui jaringan gol ketiganya menerusi sepakan pemain jersi 12, Ezzeldin Ayman pada minit ke-75, dan permainan terus kekal 3 - 0 sehingga wisel penamat dibungkam.

Cabaran Liga Bola Sepak Remaja HiTune Sports School 2024 merupakan anjuran Yakin Football League dan Sekolah Sukan Brunei Darussalam yang mengetengahkan sebanyak lapan pasukan yang akan berentap selama 10 minggu perlawanan bermula 17 Mei hingga 19 Julai di tiga tempat berasingan iaitu di Padang FABD; Kompleks Sukan Berakas (BSC); dan Kelab Rekreasi Brunei Shell (BSRC) Seria.

Pada minggu kedua perlawanan akan menyaksikan dua perlawanan berasingan pada 24 Mei nanti di mana



ANTARA aksi perlawan di antara pasukan Brazilian Football Academy Brunei (BFA) menentang pasukan Arabic School U16 pada Kejohanan Cabaran Liga Bola Sepak Remaja HiTune Sports School 2024 (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir menyaksikan perlawan berkenaan.

Kasuka FC U16 akan menentang JPKK U16 di Padang BSC, dan Arabic School U16 akan bertemu Dash Football Academy di Padang FABD 'A', dan pada 26 Mei pasukan BSRC U16 dijadualkan akan bertemu pasukan BFA di Padang FABD 'A'.

Cabaran Liga Bola Sepak Remaja HiTune Sports School 2024 dianjurkan untuk memperkenalkan bakat-bakat pemain muda yang berpotensi dalam sukan bola sepak sebagai aset negara.

Selain itu, perlawan seumpamanya juga dapat meningkatkan dan mengukuhkan rangkaian kerjasama antara institusi-institusi pendidikan dan agensi-agensi berkaitan dalam usaha menerapkan pendidikan melalui sukan bola sepak serta menyokong Matlamat Pembangunan Mampu dalam memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua lapisan peringkat umur.



CHSK_Badminton Brunei Terbuka Kebangsaan 2024 labuh tirai

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

TUTONG, Ahad, 19 Mei. - CHSK_Badminton Brunei Terbuka Kebangsaan 2024 melabuhkan tirainya hari ini dengan Majlis Penyampaian Hadiah bertempat di Dewan Sekolah Chung Hwa Kiudang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Kategori Perseorangan Lelaki Bawah 13 Tahun dimenangi oleh Md. Syariffudin, diikuti Adam Syaier Al Hamdy di tempat kedua, dan tempat ketiga disandang oleh Md. Ahza Asyari.

Bagi Kategori Perseorangan Perempuan Bawah 16 Tahun, Rachel Pong memenangi tempat pertama, disusuli Amanda Aun di tempat kedua, dan Jaslene Lim Yu Qin menduduki tempat ketiga.

Md. Shahirul Badri muncul juara bagi Kategori Perseorangan Lelaki Bawah 16 Tahun, manakala tempat



SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku tetamu kehormat bergambar ramai bersama para pemenang CHSK_Badminton Brunei Terbuka Kebangsaan 2024 (atas). Sementara gambar bawah, antara aksi pada perlawan tersebut.

kedua dan ketiga masing-masing dimenangi oleh Bobby Ferguson Chong dan Md. Syazri.

Sementara itu, bagi Kategori Beregu Lelaki Bawah 16 Tahun, pasangan Noor Masaarieel dan Syariffudin dinobatkan sebagai juara, disusuli dengan pasangan Md. Syazri dan Adam Syaier Al

Hamdy di tempat kedua, dan tempat ketiga disandang oleh pasangan Adam Rayyan dan Bobby Ferguson Chong.

Dalam Kategori Perseorangan Lelaki Bawah 19 Tahun pula, tempat pertama dimenangi oleh Md. Mirza Afif Syahmi, diikuti dengan Md. Aminoor di tempat kedua, dan Md. Hakeem Darwish menduduki tempat ketiga.

Pasangan Md. Hakeem Darwish dan Hazim Haslan pula berjaya menjuarai Kategori Beregu Lelaki Bawah 19 Tahun, diikuti pasangan Md. Abdul Azeezulhakeem dan Adi Yusra Waliuddin di tempat kedua, dan tempat ketiga disandang oleh Md. Rabbani dan Md. Iman Zahran.

Bagi Kategori Perseorangan Lelaki Bawah 22 Tahun pula, tempat pertama dimenangi oleh Hakeem Rahimie, manakala Md. Najib Zakwan dan Md. Syafiq Aiman, masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.

Sementara itu, bagi Kategori

Beregu Lelaki Bawah 22 Tahun, pasangan Md. Izzuddin dan Hakeem Rahimie memenangi tempat pertama, disusuli dengan pasangan Fakhru Arriffin dan Shafiq Aiman di tempat kedua, dan tempat ketiga disandang oleh pasangan Sia Meng Shen dan Khairul Kasyfi.

Pasangan Izzah Nazurah dan Siti Marinah pula dinobatkan sebagai johan bagi Kategori Terbuka Beregu Wanita, diikuti pasangan Nur Najmah dan Siti Nurhayati di tempat kedua, dan menduduki tempat ketiga ialah pasangan Norazila dan Norfatihah.

Pemenang tempat pertama bagi Kategori Terbuka Perseorangan Lelaki 'B' pula dirangkul oleh Aiman Hafizul Akram, manakala tempat kedua dan ketiga masing-masing disandang oleh Md. Azhar dan Daniel Fikri.

Bagi Kategori Terbuka Beregu Lelaki 'B' pula, tempat pertama dimenangi oleh pasangan Md. Shahrun dan Zailani, diikuti

pasangan Md. Husaini dan Md. Arif di tempat kedua, dan tempat ketiga disandang oleh pasangan Hasmadi dan Haji Azim.

Dalam Kategori Beregu Campuran pula, pasangan Md. Syahirul dan Siti Marinah memenangi tempat pertama, disusuli dengan pasangan Pengiran Afi dan Dayangku Nuranzah di tempat kedua, dan pasangan Masrur Fuad dan Nur Najmah di tempat ketiga.

Iqbal Asyraf berjaya memenangi tempat pertama bagi Kategori Terbuka Perseorangan Lelaki 'A', diikuti tempat kedua dan ketiga masing-masing di menangi oleh Jack Kan Kah Kit dan Mattew.

Sementara itu, bagi Kategori Terbuka Beregu Lelaki 'A' pula, pemenang tempat pertama disandang oleh pasangan Md. Syahirul dan Masrur Fuad, diikuti pasangan Md. Dzakwan dan Md. Iqbal di tempat kedua, dan tempat ketiga dimenangi oleh pasangan Awangku Azri Safwan dan Woo Chang Huei.





ePaper Pelita Brunei



WALKATON, BASIKALTON SEMPENA SAMBUTAN HPA KE-30



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II semasa hadir dan turut sama menyertai acara walkaton dan basikalton pada majlis Riadah Amal Hari Perkhidmatan Awam sempena Sambutan HPA Ke-30. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Mei. - Warga Perkhidmatan Awam (PA) berserta keluarga mereka tidak melepaskan peluang untuk sama-sama memeriahkan, menyertai dan menyokong usaha mengamalkan gaya hidup aktif sambil beramal menerusi Riadah Amal Hari Perkhidmatan Awam (HPA) sempena Sambutan HPA Ke-30 yang berlangsung di ibu negara pagi tadi.

Hadir merasmikan dan turut sama menyertai acara walkaton dan basikalton yang bermula di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien (SOAS), Menteri di Jabatan

Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan HPA Ke-30.

Turut hadir ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Acara turut dihadiri dan disertai oleh Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan serta ahli keluarga mereka.

Majlis dimulakan dengan aktiviti pemanasan badan dan diteruskan dengan pelepasan acara berbasikal sejauh 5.7 kilometer (km) oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Sejurus itu, acara diteruskan dengan pelepasan peserta walkaton sejauh 2.5 km bagi peserta lelaki dan perempuan

yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Riadah amal tersebut dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, dan Institut Perkhidmatan Awam dengan matlamat untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga PA serta keluarga mereka.

Konsep riadah sambil beramal adalah dengan mengutip derma daripada hasil penjualan baju, iaitu sebanyak BND2 setiap penjualan sehelai baju serta tabung-tabung kutipan amal yang disediakan di Taman SOAS.

Dayang Khairunnisa Bazilah bawa pulang Skoda Kushaq



Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

PENGARAH di Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Allen On yang juga selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dan Lembaga Pengarah, Imagine Sdn. Bhd. menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 19 Mei. - Dayang Khairunnisa Bazilah binti Haji Ismail membawa pulang hadiah utama Imagine Footbal Fiesta (IFF) yang berupa sebuah kereta Skoda Kushaq.

Sementara itu, Awang Muhammad Bazli bin Haji Bahrin pula diumumkan sebagai pemenang kedua yang membawa pulang berupa dua tiket pergi balik ke London, manakala tempat ketiga dimenangi oleh Dayangku Nur Hazimah @ Dk. Rasyidah binti Pengiran Md. Daud yang membawa pulang hadiah berupa Samsung S24 256GB/8GB RAM.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang yang berlangsung di Skoda Brunei, Tapak Perindustrian Lambak Kanan, di sini, Pengarah di

Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Allen On yang juga selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif dan Lembaga Pengarah, Imagine Sdn. Bhd.

Turut hadir, Pengurus Pengarah T.C.Y Motors Sdn. Bhd., Teng Chee Khiong, para penaja, pemenang dan ahli keluarga, pelanggan dan pasukan pengurusan dari T.C.Y Motors Sdn. Bhd. dan Imagine Sdn. Bhd.

Dayang Khairunnisa Bazilah ketika ditemui melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas rezeki besar yang diperolehinya.

Perasaan gembira dan teruja tidak dapat digambarkannya kerana beliau tidak pernah meraih kemenangan bertuah ini.

Tambahnya, dia tidak

menyangka melalui pembelian tiket IFF itu menjadikan beliau pemenang bertuah yang membawa pulang hadiah utama.

Pemenang IFF dipilih semasa perlawanan bola sepak antara pasukan DPMM FC dan EPL Legends yang diadakan pada 30 April 2024 di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Perlawanan itu menampilkan EPL Legends termasuk Dimitar Berbatov, Luis Garcia, Patrik Berger dan Wes Brown bagi menentang DPMM FC dengan DPMM FC memenangi perlawanan tersebut dengan kedudukan 4-2.

Imagine Sdn. Bhd. juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada penaja atas sumbangan dan sokongan mereka dalam perlaksanaan IFF.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERKHIDMATAN CEMERLANG, BERPAKSIKAN IMAN